

No. Koleksi 85 . Wo
No. Perolehan 70999
Tarikh 18 MAR 1986

KEMISKINAN DI KAMPUNG CHANGKAT LARAH

SATU ANALISIS RINGKAS

WONG MENG CHOY

(NO. MATRIK 044459)

Projek Penyelidikan

bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera


Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

SESSI 1985/86

PETA KAWASAN KG. BARU CHANGKAT LARAH.



* Nombor-nombor dalam setiap petak merujuk kepada nombor alamat rumah.

--- Lorong jenis tar

— Jalon besar

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya Encik Mohd Nor Nawawi yang telah memberi nasihat, penunjuk serta cadangan-cadangan sepanjang tempoh penulisan projek penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada ketua kampung Kampung Baru Chengkok Larah, Encik Osman Bin Ali P.J.K. serta penduduk-penduduk kampung tersebut atas kerjasama mereka semasa kajian sedang dijalankan di sana.

Juga tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sdr. Tan Chong Jin yang telah membantu saya pada peringkat awal kajian ini serta rakan-rakan saya yang lain yang samada secara langsung atau tidak langsung telah membantu dalam proses penyampaian latihan ini.

No Matrik: 044459

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Bessi: 85/86

SINOPSIS

Latar Belakang

Kajian ini merupakan sebuah analisis ringkas berkenaan faktor-faktor yang menyebabkan serta melanjutkan kemiskinan di Kampung Baru Changkat Larah. Dalam kajian ini penulisan adalah terbahagi kepada topik-topik tertentu yang ada kaitan dengan aspek-aspek kemiskinan.

Bab 1 menghuraikan bidang dan tujuan kajian, metod-metod kajian, kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa menjalani penyelidikan, konsep, pengukuran dan teori mengenai kemiskinan.

Bab 2 memerihalkan latarbelakang kawasan, latarbelakang responden serta kemudahan-kemudahan yang dinikmati seperti bekalan air dan elektrik di Kampung Baru Changkat Larah.

Bab 3 menyentuh aspek-aspek ekonomi seperti pola-pola pemilikan harta benda, simpanan, tabungan serta corak perbelanjaan.

Bab 4 cuba melihat pendapat dan persepsi penduduk-penduduk Kampung Baru Changkat Larah dari segi penglibatan mereka dalam parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan masyarakat serta persepsi tentang masa depan anak-anak dan keluarga mereka.

Bab 5 merupakan bab kesimpulan dan rumusan dari kajian yang telah dilakukan. Dalam bab ini, kita cuba melihat masalah kemiskinan dari perspektif "Budaya Miskin".

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKASURAT</u>
LAMPIRAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii

DAFTAR KANDUNGAN

<u>BAB 1</u>	<u>PENDAHULUAN</u>	
1.1	Tujuan Dan Bidang Kajian	1
1.2	Metod-Metod Kajian	2
1.3	Kesulitan-Kesulitan Dalam Penyelidikan	5
1.4	Konsep, Pengukuran Dan Teori Mengenai Kemiskinan	7
1.4.1	Pendekatan Biologikal	9
1.4.2	Pendekatan Ketaksamaan (Inequality)	9
1.4.3	Kekurangan Relatif (Relative Deprivation)	10
1.5	Kemiskinan Mutlak Dan Kemiskinan Relatif	10
1.6	Konsep 'Budaya Miskin' (Culture of Poverty)	11

<u>Bab</u>	<u>Topik</u>	<u>Mukasurat</u>
<u>Bab 3</u>	<u>STRUKTUR EKONOMI</u>	
3.1	Pendapatan Dan Pemilikan Harta	37
3.2	Pola Perbelanjaan Dan Tabungan	43
3.3	Pinjaman Dan Hutang	47
<u>Bab 4</u>	<u>PENYERTAAN DAN PERANAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG BARU CHANGKAT LARAH DALAM POLITIK DAN MASYARAKAT</u>	
4.1	Interaksi Dan Aktiviti-aktiviti Sosial	49
4.2	Pendapat Dan Persepsi	50
4.3	Penyertaan Dalam Parti Politik Dan Pertubuhan-Pertubuhan Lain	54
4.4	Keahlian Dalam Pertubuhan-Pertubuhan Lain	59
<u>Bab 5</u>	<u>KESIMPULAN</u>	
5.1	Kesimpulan Kajian	61
	Daftar Konsultasi, Pendapat dan Jawapan	
	BILIOGRAFI	71

Jadual Bab 2Jadual Bab 3

2.1	:	Jenis Dinding Rumah Di Kg. Baru Changkat Larah	18
2.2	:	Keadaan Rumah Di Kg. Baru Changkat Larah	19
2.3	:	Pemilikan Rumah Di Kg. Baru Changkat Larah	20
2.4	:	Tempat Asal Responden-Responden	23
2.5.1	:	Alasan-Alasan Tidak Mahu Pindah	25
2.5.2	:	Alasan-Alasan Mahu Pindah	25
2.6	:	Tingkat Umar Ketua Keluarga	26
2.7	:	Jenis Pekerjaan Di Kalangan Responden-Responden	30
2.8	:	Lawatan-Lawatan Ke Klinik Desa Kg. Baru Changkat Larah	34
2.9	:	Tempat Rawatan Yang Biasa Dikunjungi Oleh Ketua Keluarga Atau Ahli Keluarganya	34

Jadual Bab 3

3.1	:	Taburan Purata Pendapatan Bulanan Seisi Rumah di Kg. Baru Changkat Larah	38
		Jugak Pengajian Rumah Tangga	
		Rumah Dalam Peratusan	
3.2	:	Harta Yang Dimiliki Oleh Ketua Keluarga Dalam Peratusan	40
		Pendapatan Dari Harta Yang Dimiliki Oleh	
		Harta Dari Ibu Bapa	
3.3	:	Kelengkapan Rumah Yang Dimiliki Oleh Responden-Responden	42
		Kedudukan Kelengkapan Rumah Oleh Responden-Responden	
		Kedudukan Kelengkapan Rumah Oleh Setiap Keluarga	
3.4	:	Perbelanjaan Rumah Bagi Sebulan	44
		Perbelanjaan Rumah Bagi Setahun	
3.5	:	Perbelanjaan Sekolah Anak-anak Responden Setahun	46
		Perbelanjaan Sekolah Anak-anak	

	Pendahuluan
	Kajian Soal-Soal Saya Dalam Kursus Pengajian Politik Di Jurusan Sosial Sains Universiti Malaya
	Penulis Minta Maaf Jika Terdapat Sebarang Kelebihan Dalam Penulisan Mukasurat
	Rancangan Kajian Saya – Yang Diketahui, Maka Yang Diketahui
	<u>Jadual Bab 4</u> : <u>Yang Mula Berlantang-Pelantang Dalam Pendakwaan</u>
	Bab 4.1 : Tahap Pelajaran Yang Harap Dapat Dicapai Oleh Anak-Anak Responden 51
	Bab 4.2 : Pendapat Responden Keatas Penggunaan Pendakwaan Wang \$20,000 Sekira Ada 53
	Bab 4.3 : Ketidakkonsistenan Responden Di Antara Yang Suka Parti UMNO Dan Yang Menjadi Anti-Dalam Parti UMNO 55
	Bab 4.4 : Alasan-Alasan Suka Parti UMNO 57
	Bab 4.5 : Bilangan Kali Mengundi 58

Bab 1 (Pendahuluan)

Dalam bab ini akan diterangkan dengan ringkas tujuan dan bidang kajian serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian ini, misalnya metod-metod yang digunakan dalam kajian, kesulitan-kesulitan yang ditemui semasa menjalankan kajian serta penghuraian yang ringkas tentang konsep asas kemiskinan dan ‘budaya miskin’ yang disarankan oleh Oscar Lewis dan kaitan antara konsep ini dengan kajian ini.

1.1 Tujuan dan bidang kajian

Secara amnya kajian ini adalah satu kajian kes yang bertujuan untuk melihat keadaan kemiskinan yang dialami oleh penduduk-penduduk di Kampung Baru Changkat Larah, Taiping. Jadi diharapkan dari data-data yang diperolehi dari responden yang ditemui, kajian ini boleh memberikan satu gambaran yang lebih jelas tentang faktor-faktor yang boleh mengakibatkan serta melanjutkan kemiskinan. Untuk memberikan sedikit pandangan tentang kajian ini, topik-topik yang dibincangkan adalah dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu kemudahan-kemudahan yang dinikmati misalnya aspek-aspek pelajaran, kesihatan, pendapatan, perbelanjaan, simpanan, tanah-tanah yang dimiliki/hasil tanaman, ternakan dan pemilikan harta, manakala bahagian lain yang penting meliputi pendapat dan persepsi responden-responden yang ditemui serta subtopik-subtopik seperti peranan dalam masyarakat dan politik.

Tujuan yang lain adalah untuk menambah pengetahuan pengkaji sendiri serta memahami dari segi pengalaman kehidupan di kampung semasa menjalankan kajian di situ yang selama ini hanya dapat dibaca dari buku-buku dan latihan ilmiah yang telah disediakan oleh sarjana-sarjana dan para akademik.

Diharap juga dari analisis data-data empirikal yang dikumpul dari kawasan kajian pengkaji, hasil maklumat-maklumat akan dapat mencerminkan keadaan sebenar yang dialami oleh golongan miskin serta membantu para pembuat dasar dan para akademik dalam membuat keputusan tentang dasar negara kelak.

1.2 Metod-metod kajian

Di dalam kajian kemiskinan ini, pengkaji telah ditempatkan di Kampung Baru Changkat Larah, Taiping, Perak oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang telah membuat persiapan yang lebih awal memilih Kawasan-kawasan yang sesuai bagi penuntut-penuntutnya. Kawasan-kawasan yang dipilih adalah berdasarkan faktor negeri, daerah, saiz penduduk kampung, komposisi etnik, pekerjaan dan tanam-tanaman yang diusahakan di kampung berkenaan.

Pada hari pertama di kampung tersebut, pengkaji telah dibawa berkenalan dengan ketua kampung tersebut, Encik Osman bin Ali P.J.K. oleh Penghulu Daerah Taiping, Encik Muhiyuddin. Ketua kampung telah memperkenalkan kepada pengkaji sempadan fizikal kawasan yang dibawah pengagaan atau penyeliaannya.

Kawasan di bawah penjagaannya amat luas dan bermula dari jalan besar tiga setengah batu hingga ke lapan setengah batu dan ini meliputi Kampung Perwira, Kampung Baru Changkat Larah dan Kampung Pengkalan Limau.

Oleh kerana tempat kajian yang ditentukan oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi adalah kawasan Kampung Baru Changkat Larah maka kajian adalah tertumpu di kampung tersebut. Seperti yang dikatakan di atas, setelah mengenali kawasan di bawah penjagaan Encik Osman, pengkaji telah menjalankan 'pilot survey' untuk mendapatkan banci 'listing' semua keluarga yang tinggal di kawasan penjagaan En. Osman. Senamai listing ini meliputi secara ringkas perkara-perkara seperti nama, umur, pekerjaan, jantina, bilangan anggota seisi rumah, ketua keluarga dan juga berapa lama mereka telah menetap di kampung tersebut. Tujuan banci 'listing' penduduk-penduduk ini adalah untuk memilih responden-responden bagi temubual kelak. Di dalam 'listing' ini, sejumlah 120 buah keluarga telah dicatatkan.

Seterah selesaiya banci 'listing' pengkaji pula menggunakan metod soalselidik. Soalselidik ini terlebih dahulu telah disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya. Soalselidik yang dibekalkan adalah berbentuk soalan jenis terbuka dan jenis tertutup. Kedua-dua jenis soalan-soalan ini meliputi banyak aspek-aspek kemiskinan dan memerlukan responden-responden menjawabnya mengikut pengalaman dan pemikiran mereka sendiri supaya satu gambaran yang tepat

dapat diperolehi.

Dalam tempoh satu setengah bulan di kampung tersebut, pengkaji telah cuba melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berlangsung di situ seberapa banyak yang boleh. Pengkaji telah juga dibawa bersama oleh ketua kampung untuk menghadiri majlis memperkenalkan Penghulu baru Daerah Taiping, Encik Muhiyudin kepada penduduk-penduduk Kampung Pengkalan Limau, Ulu Sepetang. Di majlis ini pengkaji berpeluang berjumpa dengan beberapa ahli Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (J.K.K.). Aktiviti-Aktiviti lain yang pengkaji juga ikut sertai adalah upacara akad nikah, upacara bersanding dan juga kenduri, kerana pada masa pengkaji menjalankan kajian di sana telah berlangsung tiga perkahwinan.

Pengkaji telah menggunakan seorang 'key-informant' bagi melakukan 'cross-checking' dan juga cuba memperolehi keterangan-keterangan tambahan tentang kampung tersebut. Ketua kampung merupakan 'key-informant' pengkaji kerana ketua kampung lebih mengetahui penduduk-penduduk kampungnya sendiri. Dalam membuat 'cross-checking' pengkaji biasanya cuba melakukannya dengan tidak menimbulkan perasaan wasangka dan melakukannya dengan perasaan 'casual' seperti berbincang pada masa petang di kedai kopi atau pejabat dewan ramai ketua kampung. Ketua kampung amat bekerjasama dan telah memberi bahan-bahan tambahan misalnya peta-peta kawasan kampung, Laporan Banci 1972 tentang kampungnya dan lain-lain bahan yang boleh menolong dalam

menyiapkan kajian ini.

1.3 Kesulitan-kesulitan dalam penyelidikan

Adalah menjadi perkara biasa bagi mana-mana pengkaji pun bahawa kesulitan-kesulitan akan timbul saja dalam apa-apa kajian. Kajian penyelidikan di Kampung Baru Changkat Larah juga tidak dikecualikan dari kesulitan-kesulitan.

Masa kajian dijalankan di kampung tersebut adalah musim cuti sekolah. Pada masa cuti sekolah, disebabkan ibubapa mempunyai lebih masa lapang, mereka lebih suka menetapkan perkahwinan anak-anak mereka pada tempoh ini. Lagipun, pada masa cuti sekolah, saudara-mara yang tinggal berjauhan juga boleh balik untuk memeriahkan lagi suasana perkahwinan itu. Sebanyak tiga perkahwinan telah berlangsung pada tempoh ini, jadi pengkaji tidak dapat menemubual dengan penduduk-penduduk di situ kerana mereka turut-serta terlibat dan sibuk dalam persiapan-persiapan perkahwinan. Walau bagaimanapun pengkaji turut sama menghadiri upacara akad nikah, upacara bersanding dan juga majlis kenduri.

Kesulitan lain yang dihadapi adalah kerana Taiping merupakan kawasan yang paling lembap di Malaysia, jadi hujan seringkali turun, kadangkala dengan tiba-tiba walaupun matahari dan hari masih cerah. Jadi pengkaji dapat susah untuk membuat temubual dengan responden-responden pada hari hujan dan lagipun pengkaji tidak ingin mengotorkan rumah responden-responden

dengan lumpur-lumpur yang lekat pada kasut.

Di samping kesulitan-kesulitan di atas, kesulitan yang lain adalah responden-responden tidak sudi menerima temubual. Walaupun telah diterangkan dengan jelas, tujuan dan implikasi kajian ini, responden-responden masih menolak temubual kerana mereka berpendapat bahawa kajian itu tidak akan menguntungkan mereka. Bagi mereka yang sudi pula, timbulnya masalah ketidakpastian atau ketidakjituhan dalam jawapan dan data-data yang akan diberi.

Satu lagi kesulitan adalah soalan-soalan yang disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi. Pengkaji sendiri tidak faham apa sebenarnya yang dikehendaki oleh setengah-tengah soalan-soalan yang disediakan itu. Soalan-soalan yang dimaksudkan adalah kabur dan mungkin mempunyai implikasi yang lain jika tidak dilihat dari perspektif yang betul.

Walaubagaimanapun terdapat juga responden-responden yang cuba bekerjasama dengan pengkaji dan memberi pertolongan dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Responden-responden ini mungkin telah biasa dengan wajah pengkaji yang telah ikut serta dengan aktiviti-aktiviti mereka selama satu setengah bulan pengkaji berada di sana.

Konsep, Pengukuran dan Teori mengenai Kemiskinan

Memang tidak boleh dinafikan bahawa tidak terdapatnya satu definisi "kemiskinan" yang diterima sebulat suara di peringkat antarabangsa dan diaplikasikan atau di gunakan secara universal. Definisi kemiskinan ini memang suatu perkara yang masih kuat diperdebatkan. Tiada sesiapa yang boleh memperakukan definisinya sebagai yang terbaik atau mutlak. Oleh kerana itu, setiap tempat atau negara mempunyai cara mendefinisi kemiskinan tersendiri dan tertakluk kepada keujudan keadaan dan kedudukan yang terdapat di tempat masing-masing. Sebagai misalannya, rakyat yang dikatakan miskin di Amerika Syarikat adalah tidak sama dengan tahap kemiskinan yang di alami di Malaysia. Yakni, boleh dikatakan tidak ada sebarang kaedah pengukuran kemiskinan yang diterima secara universal.

Menurut Syed Husin Ali^x, kemiskinan adalah satu keadaan di mana ia terdapat gambaran pengeneptian (deprivation) dari segi keperluan terbitan. Keperluan asasi adalah seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Manakala keperluan terbitan merangkumi segala kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan air, letrik, kesihatan, kemudahan rekreasi dan

^xSyed Husin Ali: "Aspek Sosiologikal dalam Kemiskinan", kertas kerja dalam Seminar Kemiskinan Luar bandar, 1983, Alor Setar.

Untuk penerangan yang lanjut tentang konsep-konsep kemiskinan sila baca; Valentine C.A., Culture and Poverty, Critique and Counter Proposals, The University of Chicago Press, Chicago and London, 1968; Townsend, Peter (ed); The Concept of Poverty, London, Heinemann 1971.

sebagainya. Dari segi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan serba kekurangan yang disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.

Dari segi sosial, golongan miskin menduduki lapisan bawah dalam sistem susun lapis masyarakat. Kata beliau, punca kemiskinan adalah struktur masyarakat dan sejarah yang telah menimbulkan satu struktur ketidakseimbangan. Terdapat juga pengertian-pengertian lain tentang kemiskinan.

Menurut Prof. Kamil Salih pula², pengertian kemiskinan iaiah :-

- a) Golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang cukup. (inadequacy of income)
- b) Golongan yang tidak mempunyai "access" kepada sumber-sumber kuasa sosial. (hak bersuara, politik, memiliki punca-punca pengeluaran, pendidikan dan lain-lain)
- c) Golongan yang tidak menikmati keperluan-keperluan asas. (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya)

Tambahan lagi, beliau berkata bahawa konsep atau pengertian kemiskinan haruslah merangkumi faktor-faktor struktural (ekonomi, agihan, pendapatan dan kuasa-kuasa sosial yang lain) yang menentukan kedudukan golongan miskin dalam

²Salih, Kamal; "Konsep, Definisi dan Pengukuran Kemiskinan" kertas kerja dalam Seminar Kemiskinan Luarbandar, 1983, Alor Setar.

susunan masyarakat keseluruhannya dan juga faktor-faktor ‘conjectural’ (yang merangkumi tekanan-tekanan semasa mengikut aliran perkembangan ekonomi dan sosial masa kini).

Penelitian yang cermat ke atas konsep kemiskinan mesti di lakukan sebelum konsep ini diapplikasikan ke atas konteks Malaysia. Pengkaji akan memberi penjelasan tentang konsep-konsep kemiskinan. Konsep kemiskinan boleh dibahagikan kepada tiga pendekatan utama iaitu:-

- i) Pendekatan biologikal
- ii) Pendekatan ketaksamaan (inequality)
- iii) ‘Relative deprivation’ atau pengenepian yang relatif.

1.4.1 Pendekatan Biologikal

Pendekatan biologikal tentang konsep kemiskinan menidentifikasi orang miskin kepada yang berpendapatan kecil dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan-keperluan yang paling minima untuk menjaga keefisyenian fizikal. Pendekata pendekatan ini menekankan konsep kemiskinan saradiri.

1.4.2 Pendekatan ketaksamaan (inequality)

Pendekatan ketaksamaan ini cuba melihat kemiskinan seperti yang dihubungi dengan ketaksamaan. Pendekatan ini tidak mengukur kemiskinan dengan menggunakan garis kemiskinan, tetapi lebih tertumpu kepada keadaan dan saiz perbezaan. Misalnya, perbezaan di antara peratusan 10% atau 20% ke bawah

rumah tangga yang mengalami pendapatan rendah dengan masyarakat yang selebihnya iaitu peratusan bawahan ini bila dibandingkan dengan peratusan rumah tangga lain yang lebih tinggi mengalami keadaan-keadaan yang serba kekurangan.

1.4.3 Kekurangan relatif (Relative deprivation)

Beberapa pendapat tentang konsep kekurangan relatif sering digunakan oleh ahli sosiologi. Pendekatan ini menumpukan kepada persepsi sesebuah rumah tangga terhadap had dan limitasi kekurangan (deprivation) terhadap rumah tangga yang lain. Justru itu gaya dan tahap kehidupan yang membenarkan seseorang individual dan keluarganya untuk mengkongsi budaya, aktiviti-aktiviti dan permakanan dalam kaitannya dengan suatu gaya hidup yang khas merujuk kepada 'relevance' dalam pendekatan relatif. Jadi mesti diingatkan bahawa tahap keperluan minima mestilah dirujuk khas kepada satu masyarakat tertentu dan tidak secara amnya.

1.5 Kemiskinan Mutlak dan Kemiskinan Relatif

Secara ringkasnya, kemiskinan mutlak boleh dipandang dari perspektif di mana kemiskinan mutlak ini dikaitkan dengan bentuk kemiskinan yang serius misalannya kebuluran yang berleluasa dan berlanjutan. Pendekatan kemiskinan mutlak mendefinisi suatu keluarga yang miskin sebagai orang yang tidak dapat menikmati keperluan-keperluan yang paling minima dan asas

untuk mengekalkan tahap keetisyenan fizikal (dalam aspek katori) i.e. makanan, perlindungan dan pakaian.

Di Malaysia mujurnya tidak terdapat kemiskinan jenis mutlak yang selalunya diiringi oleh kebuluran yang berlanjut seperti di negara yang mundur di Afrika. Di Malaysia, kemiskinan jenis relatif adalah lebih ketara. Kemiskinan relatif biasanya dikaitkan dengan tahap-tahap ketaksamaan (inequality) atau ketidakseimbangan pengagihan pendapatan di antara kumpulan yang berpendapatan tinggi dengan yang berpendapatan rendah. Tahap-tahap kemiskinan relatif secara ringkasnya merangkumi pendekatan biologikal, pendekatan 'inequality' dan kekurangan relatif yang telah dibincangkan tadi.

1.6 Konsep 'Budaya Miskin' (Culture of Poverty)

Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba memperkenalkan dengan ringkas Konsep 'Budaya Miskin' yang telah dimasyhurkan oleh Oscar Lewis. Pengkaji akan hanya menyentuh beberapa prinsip-prinsip utama dan cuba melihat samada praktik atau tidak bila prinsip-prinsip ini diapplikasikan ke dalam konteks masyarakat kampung di tempat kajian pengkaji. Dalam penelitiannya, Oscar Lewis cuba menumpu kajiannya mengenai masalah-masalah kemiskinan di antara kumpulan-kumpulan kecil di Amerika Selatan. Oscar Lewis telah mendapati bahawa apabila 'Budaya Miskin' ini ialah budaya ini dengan sendiri akan

berterusan. Sebagai misalannya, Oscar Lewis dapat memerhati kanak-kanak yang berumur enam dan tujuh tahun telah menyerap sikap-sikap dan nilai-nilai awal yang terdapat dalam sub-budaya ini dan secara psikologi juga tidak akan bersedia untuk mengambil kesempatan dan peluang-peluang yang mungkin datang untuk menukar dan menaikkan taraf kehidupan mereka.

Penelitian Oscar Lewis telah mengidentifikasi sebelas tret-tret (traits) yang terdapat dalam 'Budaya Miskin'. Tret-tret yang utama boleh dikelaskan ke dalam empat kategori:- iaitu hubungan antara 'sub-culture' dan masyarakat yang lebih besar, bentuk (nature) komuniti 'slum', bentuk keluarga dan sikap, nilai, struktur perlakuan seseorang individu.

Maka dari empat kategori di atas dapat disimpulkan bahawa :

- i) Kurangnya penglibatan dan integrasi yang berkesan dari orang-orang miskin dalam institusi-institusi yang utama seperti bank-bank, kesatuan pekerja dan sebagainya. Ini merupakan satu ciri yang menonjol pada 'Budaya Miskin'.
- ii) Dalam peringkat komuniti, kita dapati suatu organisasi yang minima selepas peringkat keluarga asas dan keluarga besar.
- iii) Pada peringkat keluarga, trait utama 'Budaya Miskin' adalah kurangnya kepentingan dan perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak pada masa awal kehidupan

mereka, pengenalan kepada seks yang awal lebih berpihak kepada sebelah ibu, jenis pendidikan authoritarian, pemusuhan antara adik beradik untuk barang-barang yang terhad dan kasihsayang ibu adalah tegang. Terdapat kurangnya 'privacy'.

- iv) Pada peringkat individu, mereka biasanya mempunyai perasaan yang kuat terhadap perasaan yang daif, terserah kepada nasib, kebergantungan kepada orang lain dan perasaan rendah diri.

Lewis dalam kajiannya mendapati keadaan-keadaan 'culture of poverty' di atas ujud dalam masyarakat yang mempunyai :-

- a) Sistem ekonomi kewangan dengan buruh bergaji dan pengeluaran bermotif kepentingan.
- b) Kadar pengangguran dan 'under employment' yang meluas dan kadar gaji yang rendah untuk buruh kurang mahir.
- c) Tingkat gaji yang rendah.
- d) Masyarakat gagal untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan organisasi politik samada secara sukarela ataupun dengan campurtangan kerajaan untuk golongan yang berpendapatan rendah.
- e) Ujudnya sistem kekerabatan 'bilateral' dalam 'unilateral'
- f) Kelas yang dominan mengenakan satu nilai yang menghargakan pengumpulan harta dan kekayaan dan memberikan status ekonomi rendah dari ketidaksamaan

... f) interrelating between gender division and social class, individu itu sendiri dan inferioritinya.

Keadaan-kelakuan manusia dan masyarakat kampung dianggap bersifat Chengkak Larah.

2.2. Kelakuan-kelangan orang-orang kampung di Kg. Berik Changkat Larah

Kampung Kg. Changkat Larah adalah kampung yang bersempadan dengan kampung-kampung lain yang berdekatan dengan Sungai Selangor dan Kg. Sungai Putih di Litu Segawang. Kampung Changkat Larah merupakan kampung yang terdiri daripada 7 buah jalan besar yang membentuk sempadan kampung. Terdapat 6 buah jalan kecil yang berasal dari sempadan kampung ini.

Terdapat 30 rumah di Kg. Changkat Larah pada peringkat awalnya. Kebanyakan mereka berasal dari keluarga-keluarga yang tinggal berlatar di negeri Selangor. Pada tahun 1962, wakasen ini hanya dikenali sebagai sebuah kampung kecil. Pada masa kini, mereka juga merupakan sebuah kampung yang besar dan moden. Penduduk-penduduk kampung ini adalah orang-orang yang tinggal berlatar di negeri Selangor. Kg. Berik Changkat Larah selain diketahui sebagai kampung yang besar dan moden, ia juga merupakan kampung yang bersifat Chengkak Larah. Penduduk-penduduk kampung ini mendapat pendidikan yang rendah dan tidak ada yang pernah mengikuti pelajaran di sekolah. Nota kaki: Teori 'culture of poverty' yang disarankan oleh Oscar Lewis telah banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam penulisan kajian mereka dan diaplikasikan ke dalam konteks masyarakat kampung di Malaysia dalam keadaan-keadaan dan faktor-faktor yang berlainan dari tempat kajian Oscar Lewis.

Bab 2

Latar belakang kawasan, latar belakang responden dan kemudahan-kemudahan sosial dan ekonomi di Kampung Baru Changkat Larah.

2.1 Latarbelakang ringkas penempatan di Kg. Baru Changkat Larah.

Kampung Baru Changkat Larah adalah satu-satu dari beberapa kampung yang terletak dalam daerah Kamunting. Kampung-kampung lain yang berdekatan adalah Kg Pengkalan Limau dan Kg Bukit Porih di Ulu Sapetang. Kg Baru Changkat Larah terletak kira-kira 7 batu jauh dari bandar Taiping dan 4 batu jauh dari tapak perindustrian dan perusahaan bandar Kamunting.

Tanah di Kg Baru Changkat Larah pada asalnya adalah tanah kerajaan. Sebelum tahun 1952, kawasan ini hanya didiami oleh beberapa buah keluarga sahaja. Pada masa darurat, kerajaan telah menempatkan keluarga-keluarga yang tinggal bertaburan di sekitaran ke dalam Kg. Baru Changkat Larah. Sekarang, kebanyakan penduduk-penduduk Kg Baru Changkat Larah telah diberi gran atau lesen dan ramai daripada penduduk-penduduk kampung ini telah tinggal di kampung berkenaan sejak ia ditubuhkan. Penduduk-penduduk kampung ini mendiami kawasan petak yang luasnya antara 4000 kaki persegi hingga ke 5400 kaki persegi. (Peta menunjukkan kawasan ini dilampirkan di permulaan bab satu).

Kampung Baru Changkat Larah diketuai oleh ketua kampung, Encik Osman b Ali, P.J.K. yang berumur 63 tahun dan beliau merupakan ketua kampung yang ketiga sejak kampung ini ditubuhkan. Beliau dibantu dalam pentadbiran kampung oleh ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Beliau telah mengetuai kampung ini selama 11 tahun.

Sebenarnya, kawasan yang diketuai oleh ketua kampung adalah amat luas. Kawasan ini bermula dari jalan besar 3 1/2 batu hingga ke 8 1/2 batu dan meliputi kampung-kampung yang tersebut di atas. Jumlah keseluruhan kawasan ini adalah lebih kurang 3334 ekar (Banci Kerajaan 1972 - Borang B). Tanaman yang diusahakan di kawasan ini adalah tanaman ladang secara besar-besaran iaitu kelapa sawit dan getah. Boleh dikatakan ladang-ladang ini biasanya dimiliki oleh orang Barat misalnya Windsor Estate dan orang China misalnya Sam Poh Cheong Estate. Kebanyakan penduduk-penduduk kampung ini dan kampung berhampiran bekerja dan mencari rezeki hidup di ladang-ladang ini.

Jumlah orang yang tinggal di kawasan ini mengikut surat yang disediakan oleh ketua kampung pada tarikh 24hb September 1984 adalah 1665 orang. Daripada 1665 orang, 850 orang adalah orang Melayu yang berugama Islam. Yang lainnya terdiri daripada orang-orang India dan China. Dari 850 orang Melayu ini, seramai 420 orang ini diam di Kg Baru Changkat Larah.

Penduduk di dalam Kg Baru Changkat Larah adalah seratus-peratus orang Melayu dan tidak ada orang dari bangsa lain yang menetap di sini.

2.2 Keadaan Fizikal dan Sosial dan Ekonomi

2.2.1 Keadaan Perumahan

Keadaan perumahan di kawasan Kampung Baru Changkat Larah boleh dikatakan agak teratur. Rumah-rumah dibina dekat dengan jalan tar supaya perhubungan yang baik dapat diadakan. Rumah-rumah diatur sebaris-baris tetapi bukan secara seragam dan sebelah menyebelah seperti yang terdapat di kawasan perumahan yang moden kini. Namun, susunan yang terdapat di kawasan ini memudahkan juga pengkaji dan pelawat-pelawat mengenali dan mencari rumah-rumah yang berkenaan.

Jarak di antara satu-unit rumah dengan unit rumah yang lain boleh dikatakan luas. Penduduk-penduduk yang memiliki rumah di sini juga memiliki tanahnya sekali kerana ia bukan kawasan setinggan di mana penduduk-penduduk hanya memiliki rumahnya saja dan tidak tanahnya sekali. Umumnya rumah yang dibina di kawasan ini mempunyai kawasan halaman yang agak luas. Sepetak tanah yang diuntukkan berukuran antara 4000 kaki persegi hingga ke 5400 kaki persegi. Rumah yang didirikan disini beranika saiz dan bentuk. Ada di antara rumah di kawasan ini mempunyai dinding yang dibuat dari papan saja, ada pula yang dinding dibuat dari papan dan simen dan ada pula yang

mempunyai dinding simen saja. Tetapi semua keadaan rumah ini adalah bergantung kepada keadaan dan kemampuan seseorang penduduk itu. Bagi orang yang mampu dan mempunyai kedudukan kewangan yang agak mantap, rumah mereka dirobohkan dan didirikan pula rumah yang lebih selesa dan moden. Rumah yang mereka tinggal ini dilengkapkan pula dengan kelengkapan-kelengkapan moden seperti televisyen, telefon, radio dan sebagainya. Bagi mereka yang kurang mampu, didapati barang-barang kelengkapannya sekadar kemampuan mereka saja.

Daripada sampel yang ditemubual, sebanyak 22 buah rumah responden berada dalam keadaan baik, iaitu cat dinding masih bersinar, keadaan rumah yang kukuh dan bumbung tidak bocor. Sebanyak 24 buah rumah berada dalam keadaan sederhana; keadaannya kurang baik kalau dibandingkan dengan rumah yang keadaannya baik dan 4 buah rumah berada dalam keadaan yang buruk, papan dindingnya kelihatan hendak runtuh dan keadaan sekeliling rumah yang buruk dan gelap.

JADUAL 2.1

Jenis Dinding Rumah di Kampung Baru Changkat Larah

Dinding rumah	Bilangan	Peratus (%)
Dinding papan & simen	30	60
Dinding papan saja	17	34
Dinding simen saja	5	6
Jumlah	52	100%

Jadual 2.1 menunjukkan bilangan jenis dinding yang ada di Kampung Changkat Larah.

JADUAL 2.2

Keadaan rumah di Kampung Baru Changkat Larah

Keadaan Rumah	Bilangan	Peratus (%)
Baik	22	44
Sederhana	24	48
Buruk	4	8
Jumlah	50	100

Keadaan rumah yang sedemikian rupa adalah dipengaruhi oleh faktor pendapatan dan hakmilik tanah tapak rumah. Bagi yang menyewa rumah, mereka tidak akan membaiki keadaan rumah yang buruk. Perkara membaikan rumah harus dibuat dan ditanggung oleh tuan punya rumah. Tetapi oleh kerana sewa yang dikenakan bagi sebuah rumah hanya minima, iaitu diantara \$20 - \$50, jika dibandingkan dengan sewa di bandar Taiping atau di bandaraya Kuala Lumpur, tuan punya rumah biasanya tidak akan membaiki rumah mereka kecuali keadaan rumah itu benar-benar tidak boleh didiami orang, kerana perbelanjaan membaiki rumah bukannya rendah. Bagi orang yang memiliki tanah dan rumah sekali dan jika mereka mampu, keadaan rumah mereka boleh dikatakan memuaskan.

JADUAL 2.3

Pemilikan rumah di Kampung Baru Changkat Larah

<u>Tuan Punya</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus (%)</u>
Ketua Keluarga Sendiri	31	62%
Sewa	8	16%
Emak/Bapa Ketua Keluarga	5	10%
Isteri Ketua Keluarga	2	4%
Mertua	2	4%
Saudara Masa	2	4%
Jumlah	50	100%

2.22 Kemudahan-kemudahan Asasi

Kemudahan asasi merupakan salah satu dari perkara penting yang boleh menentukan taraf kehidupan sesuatu kawasan. Kemudahan yang tidak mencukupi akan merendahkan taraf kehidupan kawasan itu serta mendatangkan masalah-masalah lain kepada penduduk-penduduk. Apa yang dapat diperhatikan di Kampung Baru Changkat Larah ialah kawasan ini dapat dikatakan menikmati kemudahan-kemudahan asasi yang serba mencukupi dan memuaskan.

Jalan-jalan dan lorong-lorong yang utama di dalam kampung adalah merupakan jalan jenis tar yang tidak di "reinforced". Jalan ini elok dibina dan sesuai untuk kenderaan ringan seperti kereta.

Bekalan air dan elektrik yang merupakan dua jenis barang utama hari ini telah dibekalkan ke kampung ini sejak

tahun 76 dan tahun 77 masing-masing. Walaubagaimanapun, pengkaji masih dapati seorang dari responden-responden yang ditemubual tidak mampu mengadakan bekalan elektrik. Alasannya adalah gajinya rendah dan ia juga mesti menyara hidup dua orang tuanya. Bekalan air di kampung ini ada sepanjang tahun dan tidak adalah masalah mengenai bekalan air.

Kemudahan-kemudahan asasi lain yang dibekalkan oleh kerajaan adalah telefon dan kemudahan kesihatan. Sektor-sektor swasta juga memainkan peranan dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang cukup efisyen. Oleh kerana jalan besar ke Selama melalui kampung ini terdapat dua buah syarikat bas yang melalui kawasan ini. Syarikat bas itu adalah Northern Malayan Transport Company (NMTC) dan Red Omnibus Company. Setiap bas melalui kampung ini dalam selang 30 minit. Kadang-kadang terdapat teksi yang melalui tempat ini juga. Penduduk-penduduk di kampung ini biasanya lebih suka menumpang bas dari teksi kerana tambangnya lebih murah dan boleh muat keluarga yang besar sekaligus. Tambang ke bandar Kamunting hanya dua puluh lima sen dan tambang ke Taiping adalah lima puluh sen.

Rumah-rumah yang dibina di kawasan ini tidak mudah dibanjiri kerana kawasan ini terletak di atas tanah yang tinggi. Longkang-longkang tidak ada kecuali di tepi jalan besar ke Selama. Penduduk-penduduk di sini hanya membuat parit-parit air untuk mengalirkan air ke dalam longkang-

longkang. Ini telah menimbulkan masalah dari segi kesihatan. Tempat ini tiada sistem pembuangan sampah yang baik. Kebanyakan sampah sarap dibuang saja di luar halaman rumah. Air yang mengalir pada hari hujan mengalirkan bersama sampah sarap itu akan lama kelamaan akan menimbunkan satu longgokan sampah yang akan mengancam kesihatan penduduk-penduduk kampung kerana lalat-lalat dan nyamuk-nyamuk suka membiak dalam keadaan ini.

Jadi jelas kemudahan-kemudahan yang dinikmati tidak kurang daripada apa yang dinikmati oleh penduduk-penduduk bandar. Apa yang kurang memuaskan merupakan aspek kebersihan di mana penduduk-penduduk sendiri kurang mengamalkan sikap kebersihan.

2.3 Laterbelakang Responden-responden

2.31 Tempat Asal

Responden-responden yang tinggal di Kampung Baru Changkat Larah adalah berasal dari berbagai-bagai daerah di negeri Perak. Dari data yang dikumpulkan didapati 52% dari penduduk-penduduk Changkat Larah sekarang adalah datang dari berbagai-bagai daerah di negeri Perak. Sebanyak 24% pula merupakan 'perintis' atau penghuni-penghuni yang tinggal di kawasan Kampung Baru Changkat Larah sejak ia ditubuhkan. Yang berasal dari negeri-negeri lain di Malaysia berjumlah 20% dan yang selebihnya merupakan pendatang-pendatang dari negara lain.

JADUAL 2.4

<u>Tempat Asal Responden-responden</u>			
<u>Tempat</u>	<u>Bilangan orang</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Peratus %</u>
<u>Daerah Perak:</u>			
Bagan Serai (station)	5	anggulan tahun 1990	10%
K Kurau (station)	5	orang yang turun	10%
Semanggol (station)	4	orang	8%
Taiping (station)	3	orang	6%
Parit Buntar (station)	2	orang	4%
Selingsing (station)	2	orang yang turun	4%
Jelai (station)	1	orang	2%
Ijok (station)	1	orang yang turun	2%
K Kangsar (station)	1	orang yang turun	2%
Pondok Tanjung (station)	1	orang yang turun	2%
Selama (station)	1	orang yang turun	2%
Changkat Larah	12	posting	24%
Negeri-negeri lain	10	orang	20%
Kedah	6	orang	12%
P Pinang	3	orang	6%
Kelantan	1		2%
Negara-negara lain	2		4%
Thailand	1		2%
Indonesia	1		2%
Jumlah	50		100%

Dari jadual 2.4, dapat diperhatikan bahawa majoriti penduduk-penduduk Kg. Baru Changkat Larah adalah pendatang-pendatang tetapi sebaliknya tidak adanya 'trend' penghijrah dari kampung ini ke bandar atau ke tempat lain. Kalau ada pun penghijrah, ia melibatkan sekumpulan kecil orang saja seperti anggota-anggota polis dan askar yang terpaksa tukar tempat kerja kerana tabii pekerjaan mereka.

Jika dilihat dari segi samada responden-responden hendak pindah dari kampung berkenaan, didapati 90% daripada responden-responden berpuas hati dengan kehidupan dan tempat tinggal mereka. Manakala peratus yang selebihnya pula memberi alasan-alasan lain mengapa mereka hendak pindah atau terpaksa pindah. Dari 90% responden-responden yang puas dengan keadaan hidup dan tempat tinggal terdapat 16% dari responden-responden berkata walaupun mereka suka menetap di sini tetapi kehendak mereka adalah terpulang kepada 'posting' kerana mereka merupakan askar. Jadual berikut akan menunjukkan peratus alasan responden-responden iaitu samada suka menetap atau berhijrah ke tempat lain untuk memulakan hidup baru.

JADUAL 2.5.1

<u>Alasan-alasan tidak mahu pindah</u>	<u>Kekerapan</u>	<u>Peratus %</u>
Tiada tempat lain	11	22%
Terpulang (askar)	8	16%
Masyarakat baik/mesra	7	14%
Sudah Biasa	5	10%
Sudah Tua	4	8%
Berasal di sini	3	6%
Dekat/tempat cari makan di sini	2	4%
Rumah tangga/saudara semua di sini	2	4%
Tidak mahu pindah	1	2%
Lokasi yang baik	2	2%
Jumlah	45	90%

JADUAL 2.5.2

<u>Alasan-alasan yang mahu pindah</u>	<u>Kekerapan</u>	<u>Peratus %</u>
Kampung tidak baik	1	2%
Ingin balik ketempat asalnya	2	4%
Tempat bukan kepunyaan sendiri	2	4%
Jumlah	5	10%

Jadi penghijrahannya ke tempat lain dari kampung ini amatlah kurang dan bagi responden yang hendak pindah pun merupakan perasaan ingin saja kerana mereka berkata mereka juga tidak mampu berpindah serta tiada tempat khas yang hendak dituju.

2.32 Umur dan status perkahwinan

Di kalangan responden-responden yang ditemubual, 96% ketua keluarga telah mendirikan rumah tangga. Dari 96% ini sebanyak 6% adalah janda. Yang 4% lagi merupakan ketua keluarga yang belum berkahwin.

Dari segi umur, didapati bahawa bilangan ketua keluarga yang ramai sekali terjatuh ke dalam lingkungan umur antara 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 30%. Yang paling kurang bilangan ketua keluarga adalah di antara 71-80 tahun iaitu hanya berjumlah 2%. Ini disebabkan tanggungjawab menguruskan rumah tangga dipikul oleh generasi yang lebih muda yang lebih produktif dan bertenaga.

Jumlah responden yang berkahwin yang mengurus rumah tangga sendiri adalah **JADUAL 2.6** sebagai berikut:

<u>Tingkat Umur Ketua Keluarga</u>			
	<u>Kelas Umur (Tahun)</u>	<u>Kekerapan</u>	<u>Peratus %</u>
	20 - 30	6	12%
	31 - 40	15	30%
	41 - 50	12	24%
	51 - 60	13	26%
	61 - 70	3	6%
	71 - 80	1	2%
Jumlah	50		100%

Ramai ahli keluarganya dalam usia pertengahan ini yang masih berada dalam tahap perkembangan dan berkembangnya dirinya. Sesetengah ahli kelu-

2.33 Tingkat Pelajaran dan Latihan Kemahiran yang diterima oleh Ketua Keluarga

Tingkat pelajaran di kalangan ketua keluarga di Kampung Baru Changkat Larah adalah rendah. Sebanyak 12% daripada ketua keluarga tidak pernah masuk sekolah ataupun buta huruf. Seramai 66% pula pernah belajar sampai takat sekolah rendah saja (iaitu dari darjah 1 hingga darjah 6). Dari 66%, seramai 26% saja yang telah belajar hingga ke darjah 6 manakala 40% yang lain telah berhenti sekolah sebelum sampai ke darjah enam. Seramai 22% pula telah belajar sampai ke peringkat menengah. Dari 22%, sebanyak 16% tamat sekolah menengah rendah, 6% tamat sekolah menengah tinggi (Tingkatan 4-5).

Dari segi latihan kemahiran yang diterima oleh penghuni-penghuni didapati peratusan yang mahir adalah amat rendah. Terdapat hanya seorang mahir dalam bidang mesin 'boiler' kilang kelapa sawit, 4 orang dalam latihan pertukangan dan seorang mahir dalam pembaikian basikal. Yang lainnya tercebur dalam lapangan pekerjaan yang memerlukan sedikit kemahiran atau langsung tidak memerlukan kemahiran seperti sebagai pengutip buah kelapa sawit, penoreh getah, buruh kilang dan buruh kasar.

Tingkat pelajaran serta latihan kemahiran merupakan dua faktor yang akan menentukan jenis pekerjaan yang akan diperolehi. Biasanya orang yang berkelulusan akademik yang tinggi akan memperolehi pekerjaan yang gajinya lebih lumayan dari yang berkelulusan akademik yang rendah. Begitu juga bagi

orang yang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi akan memperolehi kerja yang gajinya lebih lumayan dari yang mempunyai tahap kemahiran yang rendah atau tidak berkemahiran langsung.

2.34 Jenis pekerjaan responden-responden

Seperti yang diterangkan dulu (Mukasurat 28), jenis pekerjaan yang diperolehi bergantung kepada tingkat pelajaran formal dan latihan kemahiran yang diterima. Semakin tinggi pelajaran yang diterima semakin banyak peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang menyebutkan : "Kelayakan dari segi pelajaran secara formal memberi satu keberuntungan yang ketara dalam pasaran pekerjaan. Semakin tinggi pelajaran semakin baiklah peluang untuk mendapat pekerjaan. Tambahan pula, semakin banyak pelajaran yang diterima oleh seorang itu maka semakin banyaklah peluang untuk mendapat pekerjaan yang mahir, pekerjaan yang lebih mempunyai murtabat dan memberi peluang-peluang yang lebih baik untuk kenaikan pangkat kemudian".*

* Kementerian Pelajaran Malaysia, "Rancangan Pendidikan Nasional, 1973", hal. 2

Oleh kerana tingkat pelajaran dan latihan kemahiran yang diterima oleh responden-repsonden adalah rendah maka ini menyebabkan mereka hanya berjaya memperolehi pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran atau pekerjaan yang hanya memerlukan sedikit kemahiran. Lagipun peluang-peluang pekerjaan yang wujud di kampung hanya sedikit iaitu menjadi buruh ladang atau buruh kasar. Jadi mereka yang hendak bekerja mesti keluar ke bandar dan bertanding dengan orang-orang di bandar untuk mendapat pekerjaan dan ini menipiskan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan terutama sekali pada masa ini, Malaysia sedang mengalami kemelesetan ekonomi. Orang yang berkelulusan akademik tinggi pun tidak dijamin dengan pekerjaan apa lagi orang yang berkelulusan rendah. Adalah bernasib jika tidak diberhentikan dari kerja masa ini.

¹Kementerian Pelajaran Malaysia, Kajian Keciciran, 1973, hal 7

JADUAL 2.7

Jenis Pekerjaan di Kalangan Responden-responden

<u>Jenis Pekerjaan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus (%)</u>
Buruh ladang getah/kelapa sawit (sebagai buruh kontrak)	7	14
Buruh kasar: kilang teksil, pejabat-pejabat am	7	14
Askar	6	12
Guard/Jaga/Pegawai Keselamatan	4	8
Tukang Rumah	4	8
Pencen: Askar/Polis	4	8
Bersara/Tidak bekerja	4	8
Pemandu ambulan/Lori/Bulldozer	3	6
Posmen	2	4
Boilerman	2	4
Ketua Kampung	1	2
Bas Konduktor	1	2
Pengasuh anak	1	2
Membaiki basikal	1	2
Peniaga ikan	1	2
Pekedai runcit	1	2
Ahli majlis bandaran	1	2
Jumlah	50	100 %

Dari jadual dapat diperhatikan bahawa data-data yang dikumpulkan juga menyokong pendapat bahawa orang yang rendah tingkat pelajaran dan tingkat kemahiran akan memperolehi pekerjaan yang tarafnya sama dengan kebolehannya. Seorang responden yang telah menjadi ahli majlis bandaran adalah berkelulusan Sijil 'Senior Cambridge'. Beliau juga merupakan pensyarah undang-undang bolasepak dan juga menyandang jawatan-jawatan penting dalam masyarakat seperti naib pengurus Persatuan Pengadil Bolasepak Perak dan Ketua UMNO cawangan Kampung Baru Changkat Larah. Beliau sebelum ini juga adalah seorang guru sekolah.

Dapat dilihat sebahagian besar dari penduduk kampung ini tercebur dalam pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan akademik dan kemahiran mereka yang rendah, iaitu seramai 92% dari responden-responden yang ditemubual. Mereka yang bekerja sebagai buruh kontrak ladang pula tidak mempunyai suara atau perwakilan dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Ini disebabkan oleh perasaan mereka yang tidak ingin membesarlu sebarang perkara kerana takut dibuang kerja. Mereka ini juga tidak menerima sumbangan majikan ke dalam caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan kemudahan kesihatan dan cuti bengazi tahunan, walaupun undang-undang kita menghendaki setiap majikan menyediakan kemudahan-kemudahan sosial yang lengkap untuk pekerja-pekerja mereka.

Apabila ditanya responden-responden tentang keinginan untuk menukar pekerjaan mereka, sebahagian besar iaitu 88% tidak bercita-cita untuk mencari atau menukar ke pekerjaan lain. Namun mereka berasa puashati kerana mereka tidak termasuk ke dalam kategori 'orang yang menganggur'. Alasan mereka ialah bahawa untuk mencari pekerjaan masa sekarang adalah amat sukar. Lagi pun, mereka sedar keupayaan mereka yang terbatas dari segi kelulusan dan latihan kemahiran tidak akan membantu mereka dalam mencari pekerjaan lain. Bagi mereka yang lebih inisiatif, mereka cuba membuat kerja-kerja sambilan bila ada masa umpamanya sebagai tukang kebun separuh masa, pemandu teksi, menjual buah-buahan yang dipetik dari pokok-pokok yang ditanam sendiri dan juga bekerja sebagai askar dalam Pasukan Simpanan (PSTD). Ada isteri yang cuba menolong meringankan beban tanggungan suaminya dengan menerima tempahan menjahit, membuat dan menjual kuih-muih dan bekerja sebagai pengasuh anak-anak.

2.35 Kemudahan-kemudahan sosial yang diterima oleh responden-responsen

Pelajaran merupakan satu perkara yang dapat menentukan pekerjaan dan corak kehidupan seseorang masa kelak. Kerajaan juga sedar tentang hal ini. Jadi, di kampung ini terdapat juga sebuah kelas tadika untuk kanak-kanak mereka. Bagi anak-anak mereka yang lebih tua, terdapat sebuah sekolah rendah di Ulu

Sapetang yang terletak kira-kira 4 1/2 batu jauh dan beberapa sekolah menengah di bandar Kamunting misalnya, Sekolah Menengah Rendah Long Jaafar, SMJK Teacher Methodist, SMJK King Edward VII yang juga terletak kira-kira 4 batu dari kampung ini.

Dari segi kesihatan, sebuah klinik desa dengan lokasinya yang strategik telah didirikan. Klinik desa ini dikendalikan oleh seorang jururawat. Klinik ini hanya merawat kes-kes yang ringan seperti demam selsema, batuk, cedera ringan dan sebagainya. Kes-kes yang rumit pula dirujukkan ke Hospital Daerah Taiping. Ada sebuah van ambulan yang digunakan untuk menghantar pesakit-pesakit yang tenat ke hospital. Perempuan yang mengandung juga menjalankan pemeriksaan mereka di klinik tersebut.

Dari data yang didapati, sebanyak 64% dari responden atau ahli keluarganya tidak pernah melawat klinik tersebut pada bulan Januari hingga ke bulan April 1985 manakala 22% telah melawat ke klinik itu antara 1-5 kali pada tempoh masa yang sama. 6% pula pernah melawat ke klinik itu antara 6-10 kali bagi tempoh masa yang sama sementara 8% pula pernah melawat klinik tersebut lebih dari 20 kali ke atas bagi tempoh masa yang sama. Kategori 8% itu merupakan perempuan yang mengandung yang terpaksa melalui pemeriksaan yang konsisten.

menurut jarak tempuh yang dilakukan oleh responden. Dari jumlah responden yang dilawatkan, responden yang berjalan kaki ke klinik desa Kg Baru Changkat Larah terdapat 32 responden atau 64 peratus.

<u>Bilangan Kali yang dilakukan</u>	<u>Kekerapan</u>	<u>Persentasi (%)</u>
0 kali	32 responden	64%
1 - 5 kali	11 kali	22%
6 - 10 kali	3 kali	6%
11 - 15 kali	0 kali	0%
<u>Jumlah</u>	<u>50</u>	<u>100%</u>

Secara keseluruhan, jumlah yang tidak pernah melawat ke klinik desa ialah 50 responden atau 100% responden. 64% dari responden atau ahli keluarga yang tidak melawat ke klinik mungkin pernah menerima rawatan dari hospital daerah pula bagi tempoh yang sama, walaupun mereka tidak menerima rawatan dari klinik desa. Namun bukannya sebaliknya, responden yang tidak melawat ke klinik desa pada tempoh yang sama dengan responden yang melawat ke klinik desa.

JADUAL 2.9 Tempat rawatan yang dikunjungi

Tempat rawatan yang biasa dikunjungi oleh ketua keluarga atau ahli keluarganya.

<u>Tempat rawatan</u>	<u>Selalu(%)</u>	<u>Kurang(%)</u>	<u>Tidak Pernah(%)</u>	<u>Jumlah(%)</u>
Hospital	42 (84%)	6 (12%)	2 (4%)	50 100%
Klinik Kerajaan	10 (20%)	40 (80%)	0 (0%)	50 100%
Klinik Swasta	11 (22%)	36 (72%)	3 (6%)	50 100%
Bomoh	0 (0%)	15 (30%)	35 (70%)	50 100%

yang dilakukan responden yang dilawatkan.

84% dari responden atau ahli keluarganya lebih suka menerima rawatan dari hospital kerana ia lebih cekap dan lebih dilengkapi. 80% responden atau ahli keluarganya kurang melawat ke klinik kerajaan yang lain untuk menerima rawatan. Bagi klinik swasta pula, terdapat 22% yang pergi untuk mendapat rawatan. Mereka yang mendapat rawatan dari klinik swasta mendapati perkhidmatan yang diberi oleh doktor swasta lebih cepat dan efisyen. Tetapi ini adalah terhad kepada yang mampu saja kerana dapat dilihat 6% daripada responden atau ahli keluarga, mereka yang tidak pernah menerima rawatan dari klinik swasta. Bagi rawatan bomoh pula, 30% berkata mereka berjumpa bomoh untuk mendapat rawatan tradisional. 70% berkata mereka tidak pernah menerima rawatan dari bomoh. Mereka percaya bahawa mereka hanya berjumpa dengan bomoh untuk rawatan jika mereka sakit tenat dan penyakit itu tidak dapat diubati dengan cara moden, misalnya, penyakit-penyakit yang dianggap 'supernatural' (jampi, dirasuk hantu).

Kesedaran tentang teknik-teknik moden dalam melahirkan anak nampaknya masih belum dapat diterima baik oleh ibu-ibu di kampung. 82% dari ibu-ibu di kampung ini telah melahirkan anak mereka melalui pertolongan bidan di rumah manakala hanya 14% yang melahirkan anak mereka di hospital. Adalah baik melahirkan anak di hospital kerana bilik bersalin di hospital lebih bersih dan tidak memudahkan penyakit-penyakit berjangkit yang akan mengancam bayi yang baru dilahirkan.

Dari analisis di atas dapat diteliti kemudahan-kemudahan pelajaran dan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan adalah memuaskan. Masalah-masalah yang timbul adalah masalah pengangkutan jika berlakunya beberapa kecemasan pada satu masa yang sama kerana hanya terdapat sebuah ambulan saja di klinik desa itu. Walaubagaimanapun perkara ini harap dapat diselesaikan dengan pertolongan dari jiran-jiran yang berkereta.

5.3 Pendekatan dan Pelajaran Habis

"Guna" pendekatan yang selamat bukanlah mengabaikan perkara yang penting-pentingnya tetapi sebaliknya mendekati dengan berjaya merentas batas-batasnya. Kepada mereka yang bertemu dengan halangan-halangan besar dalam pelaksanaan tugas mereka, mereka perlu memberi maklumat tentang bagaimana mereka boleh melampaui halangan tersebut. Selain itu, mereka perlu memberi maklumat tentang bagaimana mereka boleh mengatasi halangan tersebut. Maka, pendekatan yang selamat akan memberi maklumat tentang bagaimana mereka boleh melampaui halangan tersebut dan bagaimana mereka boleh mengatasi halangan tersebut.

Dalam bab ini, akan dibincangkan dengan ringkasnya struktur ekonomi penduduk-penduduk Kampung Baru Changkat Larah. Struktur ekonomi di kampung ini melibatkan pendapatan, pemilikan harta, perbelanjaan, simpanan dan pinjaman.

3.1 Pendapatan dan Pemilikan Harta

Sumber pendapatan yang utama keluarga-keluarga di Kampung ini ialah pekerjaan tetap ketua keluarga. Pendapatan yang berlebihan bagi setengah-tengah ketua keluarga diperolehi dengan bekerja 'overtime' dan mengambil kerja-kerja sambilan. Ahli-ahli keluarga lain yang sudah dewasa misalan anak-anak ketua keluarga bersama-sama isteri ketua keluarga juga membantu dalam menguruskan rumah tangga dari segi kewangan dengan keluar mencari kerja.

Jadual 3.1 Taburan Purata Pendapatan Bulanan Seisi Rumah di Kampung Baru Changkat Larah

Pendapatan bulanan (\$)	Bilangan	Peratus (%)
Kurang dari 100	1	2
101 – 200	2	4
201 – 300	6	12
301 – 400	13	26
401 – 500	5	10
501 – 600	5	10
601 – 700	5	10
701 – 800	3	6
801 – 900	2	4
901 – 1000	2	4
1001 keatas	5	10
Jumlah	50	100%

Dari Jadual, dapat diperhatikan pendapatan bulanan seisi rumah di bawah lingkungan \$500 ringgit adalah tinggi iaitu 56%. Seorang daripada responden menyata hidup hanya dengan \$50 ringgit iaitu kiriman bulanan dari anaknya yang bekerja di luar kampung. Bagi responden ini yang duduk bersama dengan cucunya saja, perbelanjaan sebulan adalah hanya \$30 ringgit saja dan ini merupakan perbelanjaan makanan saja.

Walaupun yang selebihnya 44% berada di tangga pendapatan seisi rumah \$500 ringgit keatas, ini tidak bermakna yang mereka mempunyai cara atau keadaan kehidupan yang lebih baik dari responden- responden yang pendapatan seisi rumah mereka kurang dari \$500 ringgit. Faktor-faktor lain yang mesti diambil kira sebelum menentukan keadaan-keadaan kehidupan adalah melibatkan bilangan anggota seisi rumah.

Faktor bilangan anggota seisi rumah akan bermakna bagi keluarga yang mempunyai anggota keluarga yang ramai akan membelanja sebahagian besar dari pendapatan untuk memenuhi keperluan asas seperti, makanan, pakatan dan perlindungan. Penggunaan air dan elektrik juga bertambah dalam sebuah keluarga yang mempunyai bilangan anggota keluarga yang ramai. Jadi pada akhirnya pendapatan bersih selepas menolak kesemua tanggungan diatas mungkin berkurangan jika dibandingkan dengan keluarga yang kecil puja. Begitu juga bagi yang membazir dari segi perbelanjaan makanan juga mungkin pada akhirnya mempunyai taraf yang agak sama dengan keluarga yang berpendapatan rendah yang mengamalkan sikap jimat-cermat.

Seperti yang dikatakan di Bab dua, tingkat pelajaran yang diperolehi akan mempengaruhi jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi atau pengkhususan akan memperolehi gaji yang lebih tinggi manakala jenis pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran atau sedikit kemahiran akan pula memperolehi gaji yang rendah pula.

Jadi, jelaslah jumlah pendapatan yang diperolehi akan mempengaruhi kuasa beli seseorang individu. Kuasa beli yang rendah akan mempengaruhi jumlah dan jenis pemilikan harta. Dengan jumlah pendapatan yang rendah, responden-responden hanya berupaya memiliki harta asasi misalnya peralatan rumah dan rumah yang didiami. Bagi mereka yang mampu, mereka juga membeli sedikit barang-barang kemas.

Jadual 3.2

<u>Jenis Harta</u>	<u>Bilangan ketua keluarga</u>	<u>Peratus (%)</u>
Tapak rumah dan rumah	40	80
Motosikal/Basikal	43	86
Barang-barang kemas	29	58
Kereta	6	12
Bangunan lain (rumah untuk disewa)	2	4
Kedai (Warong makanan/Bengkel basikal)	2	4
Lori	1	2

Dari 80% responden yang memiliki rumah, 42% adalah responden yang membelinya manakala 38% pula merupakan responden-responden yang memiliki secara warisan dari bapa atau mertua mereka. Dua daripada responden memiliki bangunan lain pula selain dari rumah yang didiami sekarang. Mereka ini merupakan peratus yang kecil dalam kampung ini yang memiliki

bangunan lain. Seorang dari responden ini menyewa bangunan ini kepada orang lain untuk mendapat pendapatan tambahan manakala seorang lagi pula baru membeli sebuah rumah di sebuah kawasan perumahan yang berhampiran dengan kampung tersebut. Responden ini berupaya membeli rumah baru ini dengan pinjaman dari majikannya yang berjumlah \$70 ribu dengan kadar bunga 4%. Bilangan responden yang memiliki barang kemas ialah 58% dan biasanya harga barang kemas mereka adalah dalam lingkungan \$1000 ringgit kebawah. Terdapat 42% dari responden yang tidak memiliki apa-apa barang-barang kemas pula. Bilangan orang yang memiliki motosikal atau basikal adalah tinggi iaitu 86% kerana pengangkutan jenis inilah yang termurah dan mereka mampu membelinya. Tujuan mereka memiliki motosikal dan basikal adalah kerana ini merupakan 'necessities' bagi mereka berulang-alik ke tempat kerja. Kebanyakan motorsikal yang dibeli oleh responden-responden adalah motosikal terpakai yang lebih murah. Terdapat juga 2 responden yang memiliki kedai iaitu seorang memiliki kedai kopi dan seorang lagi sebuah bengkel membaiki basikal. Bagi golongan responden yang menerima pendapatan yang tinggi dengan bilangan anggota keluarga yang kecil tentu akan mempunyai taraf hidup yang lebih selesa. Dari responden-responden yang ditemui, didapati 6 daripada mereka memiliki kereta. Walaupun kereta ini kereta terpakai mengikut mereka tetapi 'maintenance' bagi sebuah kereta bukannya rendah kerana ini termasuk petrol, cukai

jalan, insurans dan pembaikannya. Jadi dari bil "maintenance" ini mungkin dapat menyara hidup seorang yang jimat-cermat bagi setahun. Jadi boleh dikatakan bahawa orang yang memiliki kereta adalah orang yang kedudukan kewangannya lebih baik dan stabil dari penduduk-penduduk lain di kampung itu. Seorang dari responden pula memiliki sebuah lori. Lori ini digunakan untuk tujuan bermiaga runcit. Responden itu adalah seorang peniaga barang-barang runcit di pasar malam. Bagi responden yang bermiaga dan juga mampu memiliki lori tentu mempunyai pendapatan yang lebih lumayan dari penduduk-penduduk lain di kampung itu juga.

Dari segi kelengkapan rumah, banyak dari responden memiliki kelengkapan moden seperti televisyen berwarna, peti sejuk, dapur gas, radio dan kipas letrik.

Jadual 3.3

Kelengkapan Rumah yang dimiliki oleh Responden-responden

<u>Jenis kelengkapan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus (%)</u>
Televisyen warna	44	88
Kusyen set	35	70
Kipas letrik	34	68
Mesin Jahit	29	58
Peti Sejuk	23	46
Dapur Gas	10	20
Dapur minyak	45	90

Dari jadual 3.3, kita dapati responden-responden memiliki kelengkapan-kelengkapan yang moden dalam rumah mereka walaupun secara keseluruhannya majoriti mereka berada dalam golongan yang kurang berada atau golongan yang berpendapatan rendah. Ini adalah kerana pada masa sekarang terdapat berbagai-bagai skim pembelian untuk memiliki sesuatu kelengkapan. Jadi tidak menghairankan bahawa seramai 88% rumah responden mempunyai televisyen warna. Mereka dapat memiliki barang-barang ini dengan cara bayaran ansuran dan sewa-beli. Tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat 10% dari responden yang tidak mampu memiliki televisyen warna dan sebanyak 2% masih menggunakan televisyen hitam putih. Tidak menghairrankanlah, pada masa pengkaji menjalankan kajian di kampung ini, pengkaji juga dapat memerhati bahawa terdapat rumah ketua keluarga yang tidak ditemubual mempunyai mesin basuh, alat perakam video dan juga alat 'hi-fi' yang elok. Walaubagaimanapun peratus orang yang dalam kategori ini amat kurang di dalam kampung ini.

3.2 Pola Perbelanjaan dan Tabungan.

Di dalam kampung ini, apa yang dapat diperhatikan adalah sebahagian besar dari pendapatan mereka dibelanjakan keatas keperluan-keperluan asas rumah seperti pakaian, makanan dan perbelanjaan membayai anak-anak ke sekolah. Bagi yang menyewa rumah, terpaksa mengeluarkan wang mereka untuk

membayar sewa rumah pula. Orang yang memiliki rumah pula dapat menjimatkan wang tersebut untuk keperluan-keperluan lain. Selain itu, mereka juga boleh mengambil pinjaman untuk membina rumah dengan menggunakan wang dari bank dan perniagaan.

Jadual 3.4 Perbelanjaan Rumah bagi Sebulan

Perbelanjaan Sebulan (\$)	Kekerapan	Peratus (%)
Lebih kurang 100 kebawah	1	2%
101 – 200	12	24%
201 – 300	14	28%
301 – 400	12	24%
401 – 500	3	6%
501 – 600	4	8%
601 – 700	3	6%
701 – 800	0	0%
801 – 900	1	2%
Jumlah	50	100%

Dari Jadual didapati kebanyakkan responden menggunakan \$400 ringgit ke bawah bagi perbelanjaan keperluan asas bagi sebulan dan ini berjumlah 78% dari responden yang ditemubual. Dari 78% ini, 28% menggunakan antara \$201 hingga \$300 ringgit sebulan bagi perbelanjaan rumah, 24% menggunakan \$301 hingga \$400 ringgit sebulan bagi perbelanjaan keperluan rumah, 24% lagi menggunakan antara \$101 hingga \$200 ringgit bagi per-

belanjaan keperluan rumah sebulan dan 2% membelanjakan \$100 ringgit kebawah bagi perbelanjaan keperluan rumah sebulan. Sejumlah 22% pula responden yang membelanjakan antara \$401 hingga \$900 ringgit sebulan bagi perbelanjaan rumah.

Responden-responden juga bertimbang rasa keatas persekolahan anak-anak mereka. Setiap tahun mereka membelanjakan sebahagian besar pendapatan mereka bagi persekolahan anak-anak mereka walaupun kerajaan telah cuba membantu dengan cara meminjamkan buku-buku teks, memberi tawaran biasiswa dan tidak mengutip yuran sekolah di sekolah kerajaan sejak tahun 1970. Namun, ada juga keluarga yang menghadapi kesulitan untuk menghantar anak-anak ke sekolah kerana perbelanjaan yang tinggi dan pendapatan mereka yang rendah. Bagi mereka yang mempunyai banyak anak-anak yang masih bersekolah, masalahnya menjadi lebih rumit.

Di dalam kampung ini terdapatnya 18 buah keluarga yang tidak mempunyai tanggungan persekolahan anak lagi. Sebab ialah responden tidak mempunyai anak-anak yang masih belajar atau anak-anak telah lepas bangku sekolah. Sebab yang satu lagi ialah anak-anak mereka masih muda, iaitu belum tiba masa untuk masuk sekolah. Tambang bagi seorang pergi balik untuk sebulan adalah diantara \$15-20. Jadi bagi sebuah keluarga yang mempunyai 5 anak yang masih bersekolah akan memakan belanja tambang sebanyak \$450-500 ringgit setahun. Bagi keluarga yang mempunyai lebih anak, lebihlah ketat kedudukan

kewangannya. Bila dicampurkan bersama dengan wang saku serta pembelian buku-buku latihan kesemuanya akan memberi satu angka yang tidak rendah dan amat membebankan ketua keluarga. Jadi terdapat banyak ketua keluarga membuat kerja-kerja sambilan terutama sekali menjelang waktu cuti sekolah tamat bagi memenuhi permintaan persekolahan anak-anak mereka.

Jadual 3.5

Perbelanjaan Sekolah Anak-anak Responden Setahun

<u>Perbelanjaan Setahun (\$)</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus (%)</u>
Rasmi dan sekolah 101 - 200	2	4
Keluarga 201 - 300	6	12
Pembantu rumah tangga 301 - 400	7	14
Orang awam 401 - 500	4	8
Dari orang tuanya 501 - 600	4	8
Tidak ada 601 - 700	3	6
Tidak ada 701 - 800	2	4
Tidak ada 801 - 900	1	2
Keperluan sekolah 901 - 1000	1	2
Setiap hari 1001 keatas	2	4
Jumlah	50	100%
Keterangan: Dari jumlah responden setahun 32 orang adalah 64% berasal dari keluarga dan 18 orang atau 36% berasal dari orang awam.		

Dari struktur simpanan, pengkaji dapati ramai responden

tidak dapat menyimpan. Bagi yang berpendapatan rendah, mereka mengatakan pendapatan yang mereka perolehi hanya cukup makan saja. Untuk yang berpendapatan tinggi sedikit pula mengatakan bahawa tanggungannya yang lebih menyebabkan ia tidak dapat menyimpan. Oleh kerana ini merupakan soalan yang sensitif ramai responden enggan memberi jumlah sebenarnya simpanan mereka. Lagi pun ini merupakan persoalan peribadi pula. Namun ada juga yang bekerjasama dan memberitahu juga simpanan mereka. Kebanyakannya mereka didapati kurang menyimpan tetapi sedikit sebanyak mereka melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional, Syarikat Khairah Mati dan Bank Simpanan Nasional. Kata mereka, jumlah berkenaan amat sedikit. Bagi mereka yang mempunyai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) pula, mereka harap agar bila bersara wang itu boleh digunakan untuk berniaga atau naik haji ke Mekah.

3.3 Pinjaman dan Hutang

Dari segi pinjaman, didapati walaupun mereka berpendapatan rendah didapati 92% dari responden tidak membuat apa-apa pinjaman dari ajensi-ajensi kerajaan atau pun majikan mereka. 6% dari responden ada menerima pinjaman yang mana seorang askar menerima sebanyak \$70,000 dari pinjaman askar dengan faedah 4% setahun untuk membayar rumah barunya. Yang lainnya membuat pinjaman bagi membeli kelengkapan rumah atau membesarkan rumah mereka.

Responden-responden didapati lebih suka meminjam secara tidak formal atau berhutang. Walaubagaimanapun didapati 74% responden tidak berhutang sebarang sementara 26% pula berhutang samada kepada pekedai-pekedai runcit atau syarikat-syarikat lain. Kebanyakan hutang mereka adalah pengambilan barang-barang makanan dari pekedai-pekedai. Hutang biasanya dijelaskan pada bulan depan dan mereka tidak dikenakan bunga. Boleh dikatakan sebilangan responden tidak lepas dari belenggu hutang kerana setelah menjelaskan hutang bulan duju, mereka pula mengambil keperluan-keperluan bulan ini dan akan jelaskan hutang pada bulan depan pula dan ini adalah berterusan.

Ada responden yang hutang secara sewa-beli dan ansuran. Bagi mereka yang membeli motosikal, mereka membayar dengan cara sewa-beli.¹ Mereka yang membeli televisyen dan perabot rumah biasanya membayar secara ansuran² pula. Dengan skim bayaran yang tidak begitu membebankan, responden-responden sekarang boleh membeli barang-barang yang mereka hendaki asalkan ia tidak begitu mahal.

1. Sewabeli Adalah cara yang memerlukan bayaran awal dan yang lebihnya dijelas pada tiap-tiap bulan bersama faedah.
2. Ansuran ialah cara yang tidak memerlukan bayaran awal. Jumlah barang itu bersama faedahnya dibayar dalam satu tempoh iaitu kalau benda itu \$1000 dan jika 10% dikenakan pada setiap tahun dan tempoh bayarannya 1 tahun, jumlah yang mesti jelas tiap-tiap bulan adalah $1100/12 = \$91.67$, selama 12 bulan.

Penyertaan dan peranan penduduk-penduduk Kampung Baru Changkat Larah dalam politik dan masyarakat

Dalam bab ini, kita akan cuba lihat penglibatan penduduk-penduduk Kampung Baru Changkat Larah dalam aktiviti-aktiviti sosial, pertubuhan-pertubuhan dan juga parti politik dan bagaimana kegiatan-kegiatan ini dapat menjalin perhubungan yang baik dan solidariti yang kukuh di kalangan mereka.

4.1 Interaksi dan aktiviti-aktiviti sosial

Interaksi adalah suatu perhubungan yang perlu di antara penduduk-penduduk supaya dapat mempereratkan tali persahabatan dan semangat kejiraninan. Kampung ini tidak berlainan, penduduk-penduduk dapat berkenal-kenalan dan tolong-menolong.

Dari aspek kejiraninan, pengkaji dapat responden berkenalan dengan ramai jiran-jiran terutama sekali yang tinggal berhampiran dengan mereka. Mereka saling ziarah-menziarahi antara satu sama lain terutama pada waktu petang dimana mereka berbual-bual antara satu sama lain. Mereka juga memberi pertolongan sekadar boleh apabila jiran memerlukan mereka untuk membantu menyediakan persiapan-persiapan untuk majlis kahwin dan majlis kenduri. Mereka bukan saja bersama menolong pada hari perayaan tetapi juga sedia membantu apabila

jiran-jiran ditimpai kemalangan atau kecemasan. Perhubungan seperti ini akan mengujudkan hubungan timbal balik. Perkara ini bukan saja berlaku diantara jiran sebelah rumah tetapi berlaku antara lain penghuni di kawasan ini sehingga mengujudkan apa yang dipanggil oleh Whyte (1955, ms xix) satu "network of reciprocal obligations".

Faktor ugama juga penting peranannya dalam mendorong penduduk-penduduk kampung berinteraksi antara satu sama lain. Kesemua responden-responden yang ditemubual berugama Islam jadi persamaan ugama ini membolehkan ujudnya persamaan nilai dan kepercayaan. Hal ini akan dapat mengujudkan satu kesefahaman yang akan memudahkan lagi proses interaksi.

4.2 Pendapat dan Persepsi

Di dalam kampung ini, dapat diperhatikan dari data-data yang dikumpulkan, ketua-ketua keluarga sangat menaruh minat dalam hal pelajaran anak mereka. Mereka berpendapat bahawa untuk menukar taraf sosio ekonomi mereka adalah melalui pencapaian anak-anak mereka dalam bidang akademik. Mereka mengharapkan anak-anak mereka belajar hingga ke universiti kerana selepas memperolehi ijazah, peluang-peluang sosial dan kerja adalah lebih terbuka. Pengkaji mendapati 68% dari responden-responden mengharapkan anak-anak boleh melanjutkan hingga ke tahap universiti. 2% dari responden mengharapkan anak-anak mereka dapat menamatkan pengajian sekurang-kurangnya

di tingkatan empat dan sebolehnya di tingkatan enam. 2% lagi dari responden mengharapkan anak-anak mereka sekurang dapat menamatkan pengajian mereka di tingkatan tiga. 20% dari responden tidak mengharapkan apa-apa dari anak mereka dari segi pencapaian akademik, kerana anak-anak mereka sudah dewasa dan lepas bangku sekolah. Yang diharapkan adalah mereka dapat kerja untuk menyara diri sendiri. 8% dari responden mengharapkan anak mereka dapat belajar setakat mana mampu.

JADUAL 4.1

Tahap Pelajaran yang harap dapat dicapai oleh anak-anak responden

<u>Tahap Pelajaran</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Universiti	34	68
Tingkatan 4-6	1	2
Tingkatan 1-3	1	2
Terpulang kepada mereka	4	8
Anak-anak yang tercicir dari sekolah / yang belum sekolah sudah dewasa	10	20
Jumlah	50	100%

Melalui pencapaian akademik yang tinggi, responden mengharapkan anak-anak mereka dapat mencari kerja yang lebih baik status dan pendapatan. Mereka tidak suka melihat anak-anak mereka mengikut jejak langkah mereka yang selalu

menghadapi masalah, baik dari segi kewangan atau sosial. Jenis pekerjaan yang responden suka melihat anak-anak mereka sandang adalah kebanyakannya pekerjaan kakitangan kerajaan seperti guru, kerani/kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, askar, dan bagi anak-anak mereka yang kurang pencapaian akademik diharap mereka belajar berniaga secara kecil-kecilan seperti berniaga runcit, menjual 'burger' dan menjaja sayur-sayuran atau ikan. Perniagaan seperti ini tidak memerlukan modal yang banyak, senang diuruskan serta risikonya tidak begitu tinggi.

Niat mereka untuk berniaga adalah tinggi. Ini merupakan salah satu cara bagi mereka memperbaiki keadaan hidup mereka kerana mereka berharap berdasarkan motif untung, perniagaan mereka dapat berkembang dan begitu juga keadaan sosio-ekonomi mereka. Niat mereka dapat dilihat dari soalan yang dikemukakan iaitu, "Sekiranya tuan/puan mewarisi \$20,000, bagaimanakah, tuan/saudara bercadang menggunakan? Keputusan dapat kita diperhatikan dari Jadual 4.2 di mukasurat 53.

Kita dapat perhatikan bahawa pola perbelanjaan \$20,000 sekira ada, tertumpu kepada berniaga, pelajaran anak dan membeli tanah. Yang lain merupakan pecahan peratus yang kecil yang melibatkan dua aspek seperti pelajaran anak dan naik haji, melabur dalam ASN dan Simpanan Tetap atau hanya satu aspek seperti naik haji saja. Responden yang bercadang

membeli tanah dengan wang itu merupakan responden yang tidak mempunyai rumah sendiri dan sedang menyewa dari orang lain. Jadi sekiranya mereka mewarisi \$20,000, mereka bercadang membeli tanah untuk mendirikan rumah supaya sekurang-kurang mereka boleh mengatakan bahawa mereka mempunyai tempat perlindungan yang tersendiri. Walaubagaimanapun dapat diperhatikan responden-responden tidak akan menggunakan wang dengan sia-sia tetapi sebaliknya akan menggunakan dengan bijak dan cermat.

JADUAL 4.2

Pendapat responden keatas penggunaan wang \$20,000 sekira ada

Cara menggunakan	Bilangan responden	Peratus
Berniaga saja	11	22%
Pelajaran anak dan Berniaga	7	14%
Membeli tanah	6	12%
Pelajaran anak dan melabur dalam ASN	5	10%
Pelajaran anak saja	4	8%
Melabur dalam ASN	3	6%
Pelajaran anak dan membeli tanah	3	6%
Pelajaran anak dan naik haji	3	6%
Naik haji	2	4%
Melabur dalam ASN dan Simpanan Tetap	2	4%
Melabur dalam ASN dan naik Haji	2	4%
Melabur dalam ASN dan Berniaga	2	4%
Jumlah	50	100%

Secara am penduduk-penduduk di kampung ini menghadapi masalah yang serba kekurangan berbanding dengan penduduk di bandar yang serba mencukupi dalam beberapa hal. Antara yang ketara sekali adalah masalah kekurangan wang, tingkat pendapatan yang rendah, ketiadaan kerja yang sesuai, pengangguran dan masalah keluarga yang lain. Masalah yang dihadapi oleh negara mengikut pendapat mereka merupakan masalah perpaduan bangsa, polarisasi kaum, ancaman dadah, ancaman komunis, kemiskinan dan pengangguran. Faktor ini mungkin mendorong mereka mengujudkan perhubungan yang baik dan bekerjasama antara satu sama lain untuk mengatasi masalah-masalah di atas. Dari tingkahlaku-tingkahlaku dan tanggungjawab yang dapat diperhatikan, boleh dikatakan mereka sedang mendiami dalam sebuah kampung yang aman dan mesra jalinan perhubungannya antara satu sama lain.

4.3 Penyertaan dalam Parti Politik dan Pertubuhan-pertubuhan lain

Ditinjau dari segi penglibatan dalam parti-parti politik 50% dari responden adalah menjadi ahli-ahli dalam parti politik dan 50% yang lain pula tidak memasuki mana-mana parti. Kesemua 50% dari responden yang memasuki parti politik adalah ahli parti politik UMNO (United Malays National Organisation) Cawangan Kampung Baru Changkat Larah. Walaupun

didapati hanya 50% dari responden yang menjadi ahli UMNO tetapi data-data yang dikumpulkan menunjukkan 90% dari responden memang suka parti UMNO tetapi hanya 50% dari jumlah 90% itu yang suka parti UMNO masuk parti UMNO. Yang 40% itu hanya sekadar suka saja. Alasan-alasan mereka tidak memasuki parti UMNO walaupun suka adalah kerana mereka tidak kelapangan masa untuk mencebur i diri dalam kegiatan politik. Jadual di bawah menunjukkan ketidakkonsistenan di kalangan responden di antara peratus yang suka parti UMNO dengan peratus yang menjadi parti UMNO.

JADUAL 4.3

Ketidakkonsistenan responden di antara yang suka parti UMNO dan yang menjadi ahli dalam parti UMNO

Parti yg disuka	Bilangan (%)	Ahli Parti	Bilangan (%)
UMNO	45 90%	UMNO	25 50%
PAS	1 2%	Bukan Ahli mana-mana parti	25 50%
Tiada	4 8%		
Jumlah	50 100%	Jumlah	50 100%

PENGETAHUAN MELAKA TERHADAP PAS

Dari jadual di mukasurat 55, didapati seorang responden cenderung kepada parti PAS (Parti Islam SeMalaysia) tetapi beliau bukan ahli parti itu. Alasan yang diberikannya ialah parlimen memerlukan anggota parti pembangkang seperti PAS untuk memerhati tindak-tanduk pihak pemerintah supaya tidak menyeleweng dalam menjalankan polisi dan pentadbiran dengan baik.

Ditinjau dari segi mengapa 90% dari responden suka memilih UMNO, didapati mereka telah memberi berbagai-bagai alasan. Diantara alasan-alasan itu ialah pemerintah yang ada adalah baik dari segi demokrasi, amanah dan boleh dipercayai. Adalah pula yang berkata mereka hanya tahu parti UMNO saja ataupun kerana ia sekarang adalah parti pemerintah. Tidak kurang pula responden yang memberi alasan sebab mereka suka parti UMNO kerana ia memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan untuk perpaduan. Ada pula yang suka kepada parti UMNO kerana mengikut kawan-kawan atau ahli-ahli keluarga yang telah jadi ahli parti UMNO.

Responden yang tidak suka dengan parti ini mengatakan bahawa parti ini tidak mempunyai rasa hormat terhadap orang lain dan tidak adil. Mereka juga mengatakan bahawa parti ini tidak mempunyai rasa hormat terhadap orang lain dan tidak adil.

Responden yang tidak suka dengan parti ini mengatakan bahawa parti ini tidak mempunyai rasa hormat terhadap orang lain dan tidak adil.

JADUAL 4.4 Alasan-alasan suka parti UMNO

<u>Alasan-alasan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus (%)</u>
Pemerintahan yang baik (objektif, demokratik, amanah dan boleh dipercayai)	26	52
Kerana ia adalah parti pemerintah	2	4
Hanya tahu parti UMNO jadi	2	4
Ikut serta	9	18
Memperjuang hak orang Melayu	5	10
Untuk perpaduan	1	2
Jumlah	45	90%

Ditinjau dari segi samada responden mengikuti kempen pilihanraya didapati 54% memang suka mengikuti kempen pilihanraya dengan tidak menghiraukan parti mana yang berkempen. 22% dari responden pula mengambil sikap neutral terhadap kempen-kempen yang dijalankan. Mereka ini hanya pergi mendengar kempen-kempen apabila mereka ada masa atau bila mereka berperasaan hendak pergi. 24% dari responden pula tidak suka dengar kempen-kempen. Ini adalah disebabkan oleh janji-janji kosong yang diberikan oleh setengah-tengah parti yang berkempen.

Selain responden-responden juga berkata mereka tidak mempengaruhi ahli-ahli keluarga mereka ketika mengundi dalam

pilihanraya. Mereka menghormati pilihan-pilihan yang dibuat oleh ahli-ahli keluarga mereka dan tidak akan mempengaruhi ahli-ahli keluarga mereka untuk mengikut pilihannya pula. Tetapi seramai 24% dari responden berkata mereka ada cuba mempengaruhi ahli-ahli keluarga ketika mengundi untuk menentukan kemenangan sesuatu parti. Namun, di kampung ini terdapat ramai responden-responden yang telah mempunyai pengalaman dalam hal mengundi. Jadual 4.5 menunjukkan bilangan kali responden-responden telah mengundi dalam pilihanraya.

5 dari responden tidak pernah mengundi kerana mereka merupakan askar dan menurut mereka biasanya undi secara kiriman mereka selalu lewat untuk pengiraan. Dengan itu mereka mengatakan mereka sebenarnya belum pernah mengundi.

JADUAL 4.5

Bilangan kali mengundi

Kawasan	0	1	2	3	4	5	Jumlah	Rantau
Parlimen	5	1	7	13	8	16	50	5%
Negeri	5	1	7	13	8	16	50	5%

Telah diketahui bahawa 50% dari responden adalah ahli UMNO tetapi sebahagian besar dari mereka menjadi ahli pada nama saja. Mereka tidak bergiat secara aktif dalam kegiatan-

kegiatan politik dalam kampung mereka. Yang aktif biasanya yang menjadi ahli-ahli jawatankuasa cawangan UMNO di kampung tersebut. Responden-responden yang menjadi ahli parti atas nama saja tidak memiliki dan tidak pernah membaca apa-apa bentuk buku perlumbagaan parti politik mereka dan majalah atau risalah keluaran parti politik mereka. Ini menunjukkan sebahagian besar dari responden dalam parti politik secara langsung tidak melibatkan diri secara serius. Lantaran itu mereka kurang memahami dan menyedari pentingnya berpolitik dengan cara yang lebih serius dan bersungguh-sungguh.

4.4 Keahlian dalam Pertubuhan-pertubuhan lain

Selain daripada menyertai parti politik, responden-responden juga menyertai pertubuhan-pertubuhan lain walaupun penyertaan mereka adalah pada peringkat minima iaitu sebagai ahli biasa saja.

Antara pertubuhan-pertubuhan yang biasa mereka menjadi ahli adalah Rensatuan Bekas-bekas Polis, RELA, Pertubuhan Masjid, Khairah Kematian dan persatuan-persatuan sukan. Sebab utama mereka melibatkan diri dalam persatuan-persatuan di atas adalah untuk melengkapkan diri dalam masa kecemasan dan untuk berkhidmat untuk kampung mereka apabila perlu. Seorang responden yang aktif, telah menjadi ahli jawatankuasa dalam semua persatuan dan pertubuhan yang disertainya. Responden itu adalah ketua UMNO Cawangan Kampung Baru Changkat Larah,

naib pengurus bagi Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Perak dan juga pensyarah undang-undang bolasepak di Intan dan juga beliau sekarang adalah seorang ahli majlis bandaran Taiping. Responden itu telah banyak menyumbang tenaga yang tidak ternilai pada penduduk kampung dengan peranannya sebagai seorang ahli jawatankuasa dalam JKK yang berupaya untuk meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di kampung ini.

Pemuda-pemuda kampung ini pula melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan yang mengajurkan sukan seperti sepak takraw dan bolasepak. Di antara manfaat-manfaat yang didapati dari keanggotaan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan sukan ini adalah dapat menjaga kesihatan jasmani di samping dapat bergaul dengan lain-lain anggota masyarakat dan merapatkan lagi hubungan sosial.

Dengan itu jelas pengkaji dapati majoriti penduduk-penduduk di kampung ini telah menjadi ahli dalam parti politik dan pertubuhan-pertubuhan di luar komuniti. Bagi yang bekerja di sektor perusahaan, ada yang menjadi ahli dalam kesatuan sekerja. Namun begitu boleh dikatakan mereka sekurang-kurangnya telah bergaul dengan masyarakat luar daripada kampung ini.

KESIMPULAN5.1 Kesimpulan Kajian

Setelah kita meneliti keadaan-keadaan penduduk-penduduk di Kampung Baru Changkat Larah, dapat kita katakan bahawa majoriti daripada mereka masih berada di dalam keadaan miskin jika dipandang dari sudut ekonomi.

Dapat diperhatikan juga terdapat sedikit persamaan dari segi ciri-ciri atau 'tret-tret' yang dikemukakan oleh Oscar Lewis dalam 'Teori Budaya Miskin' dalam kampung ini, walaupun bukan kesemua ciri-cirinya benar.

Mengikut Oscar Lewis, ciri-ciri kehidupan masyarakat yang mendorong Budaya Miskin ini adalah kebanyakannya merupakan golongan yang berpendapatan rendah, tidak banyak mempunyai harta, tidak mempunyai simpanan wang, sering mengalami kekurangan wang tunai dan gagal untuk mendapatkan pekerjaan yang baik di bandar yang dapat memberi upah yang tinggi disebabkan mereka mempunyai tingkat atau pencapaian pekerjaan yang rendah dan peluang sosial yang terbatas.

Gambaran kemiskinan yang disarankan oleh Oscar Lewis terutama ciri-ciri diatas diakui terdapat pada penduduk yang dikaji walaupun tidak semuanya. Memang benar 56% dari responden di kampung ini mempunyai pendapatan seisi rumah dibawah \$500 ringgit. Pendapatan ini tidak boleh dikatakan mencukupi

memandangkan tanggungan yang tinggi dalam keluarga dan kadar inflasi yang tinggi. Begitu juga bagi responden yang mempunyai pendapatan seisi rumah diantara \$501 ringgit dan \$1001 ringgit. Ini tidak bermakna mereka kaya jika mereka mempunyai ahli keluarga yang ramai. Namun terdapat juga responden yang boleh dikatakan berada di luar keadaan kemiskinan. Lantaran itu kita tidak boleh membuat kesimpulan kesemua penduduk kampung ini miskin dan berpendapatan rendah tetapi hanya majoriti saje yang berada dalam keadaan kemiskinan.

Dari segi pemilikan harta, penduduk-penduduk kampung boleh dikatakan dapat memiliki barang-barang keperluan asas dan sedikit sebanyak barang-barang mewah seperti barang kemas, televisyen, kusyen set, dapur gas dan mesin basuh. Saranan Oscar Lewis yang mengatakan mereka tidak mempunyai banyak harta adalah agak subjektif. Pemilikan harta ini tidak bolehlah dibandingkan dengan orang-orang di bandar kerana gaya dan corak kehidupan di bandar yang berlainan yang lebih mementingkan status. Lagi pun orang-orang di kampung sekarang dapat membeli barang-barang kelengkapan dengan cara belian yang memudahkan misalannya ansuran. Namun tidak dapat dikatakan mereka kurang memiliki harta. Tidak seperti yang dikatakan oleh Oscar Lewis bahawa "a strong present time of orientation with relatively little ability to defer gratification and to plan for future", penduduk-penduduk di kampung

mempunyai keupayaan untuk merancang untuk masa depan mereka. Mereka berjimat-cermat agar dapat menyimpan wang sedikit demi sedikit untuk membeli barang-barang keperluan dan untuk kecemasan hari kelak. "Absence of saving" sebagaimana yang dinyatakan oleh Oscar Lewis memang ujud. Tetapi kalau dilihat dari perspektif yang lain, mereka memang ada menabung tetapi tabungan mereka telah dibelanjakan untuk membeli barang-barang keperluan. Mereka tidak fatalis dan menyerah nasib mereka kepada tuhan. Ini dapat dilihat dari kesanggupan mereka untuk meringankan kedudukan kewangan rumah mereka dengan keluar mencari kerja sampingan dalam masa lapang. Isteri ketua keluarga juga membantu dengan membuat kuih-muih untuk dijual dan menerima tempahan jahitan bagi Hari Raya dan lain-lain. Ini dapat menyangkal pendapat Lewis yang mengatakan mereka mempunyai "little ability to defer gratification and to plan for future has a strong feeling of fatalism, helplessness". Pendapat Lewis bahawa terdapatnya "..... informal credit arrangements among neighbours, use of secondhand clothing and furniture" tidak dapat dinafikan. Responden-responden yang mengalami kekurangan wang biasanya meminjam dari kawan-kawan dan jiran-jiran. Mereka juga berhutang kepada pekedai runcit kerana pengambilan barang-barang keperluan seperti makanan untuk keluarganya dahulu. Hutang ini hanya dijelaskan pada akhir bulan bila mereka menerima

gaji. Penggunaan barang-barang terpakai seperti pakaian, kelengkapan rumah juga ketara. Penggunaan barang-barang terpakai ini dapat menolong mengurangkan perbelanjaan keluarga. Pola perbelanjaan keluarga pula mementingkan barang-barang keperluan harian diikuti oleh perbelanjaan sekolah anak-anak mereka.

"The disengagement, the nonintegration of the poor with respect to the major institutions of society is a crucial element in the culture of poverty The people do not belong to labour unions or political parties and make little use of banks, hospitals, department stores or museums..... Along with disengagement from the larger society, there is a hostility to the basic institutions of what are regarded as the dominant classes. There is hatred of the police, mistrust of government and of those in high positions The culture of poverty thus holds a certain potential for protest and for entrainment in political movements aimed against the existing order".

Kenyataan bahawa penduduk-penduduk yang miskin tidak terlibat dalam institusi-institusi utama masyarakat adalah tidak benar. Dari data yang dikumpulkan, 50% dari responden yang dikaji adalah ahli parti politik UMNO. Walaupun terdapat 50% yang lain yang tidak memasuki mana-mana parti politik tetapi tidak kelihatan tanda-tanda kebencian terhadap parti-parti politik UMNO atau institusi yang lain. Kebencian adalah

terhadap parti politik lain yang merupakan parti pembangkang kepada pihak pemerintah saja. Mereka juga tidak menunjukkan tanda-tanda tidak yakin kepada kerajaan malah 90% suka kepada parti pemerintah serta memberi alasan-alasan yang kuat bagi menyokong pendirian mereka. Alasan-alasannya adalah pihak pemerintah bersifat baik, demokratik, amanah, mengutamakan perpaduan, memperjuangkan hak orang Melayu dan boleh dipercayai. Sikap-sikap mereka ini tidak akan menimbulkan sebarang bantahan-bantahan terhadap pemerintahan sekarang seperti yang diamati oleh Oscar Lewis.

Mereka juga memandang kepada pihak berkuasa seperti polis dan askar untuk menolong menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara. Kenyataan bahawa adanya perasaan benci terhadap polis juga tidak dapat diterima. Penduduk-penduduk malah tidak menunjukkan perasaan benci terhadap polis atau askar tetapi ada sebilangan penduduk di kampung ini yang mempunyai pekerjaan sebagai polis atau askar pula.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.9, penduduk-penduduk di kampung ini mempunyai kesedaran terhadap kesihatan dan perubatan cara moden. Sejumlah 84% dari responden kampung ini selalu melawat ke hospital bagi menjaga kesihatan mereka serta ahli-ahli keluarga mereka. Kenyataan bahawa orang-orang miskin kurang menggunakan hospital juga tidak dapat diterima kerana keputusan yang didapati telah membuktikan kenyataan ini tidak benar. Malahan penduduk-penduduk di kampung sekarang

telah sedar akan keadaan kebersihan di hospital dan selalu mengalakkan isteri yang bersalin supaya melahirkan anak-anak mereka di hospital. Kerja ini yang selalu dipraktik di rumah oleh bidan adalah semakin kurang kini. Kesedaran kebersihan dan kesihatan menunjukkan satu peningkatan dari segi taraf hidup. Lawatan ke tempat bomoh untuk menerima rawatan tradisional semakin berkurangan di kampung ini di mana seramai 70% dari responden-responden tidak pernah menerima rawatan tersebut.

Memang benar jika dikatakan penduduk-penduduk di kampung ini kurang menggunakan bank atau institusi kewangan yang lain. Ini disebabkan oleh kerana pendapatan mereka yang rendah tidak membenarkan mereka menyimpan atau menabung. Namun, mereka tetap menyimpan juga jika dalam satu-satu bulan mereka mempunyai sedikit wang berlebihan. Biasanya, mereka menyimpan dalam Skim Amanah Saham Nasional dan juga Bank Simpanan Nasional atau di Pejabat Pos. Bagi yang lebih berkemampuan, mereka juga sering menggunakan perkhidmatan di institusi-institusi kewangan.

Penduduk-penduduk di kampung ini yang bekerja di sektor perusahaan atau di kilang-kilang pula menjadi anggota dalam kesatuan sekerja. Mereka berpendapat bahawa kesatuan sekerja yang mempunyai bilangan anggota atau ahli yang ramai akan lebih berupaya berunding dalam masa-masa perlu. Mereka menjadi ahli kesatuan sekerja untuk menafaat kesemua misalnya

memperjuangkan hak-hak mereka seperti menerima caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan menerima cuti tahunan bergaji. Mereka ini mempunyai solidariti yang kukuh dan berkerjasama supaya matlamat-matlamat mereka dapat dicapai. Namun, terdapat juga pekerja-pekerja terutama sekali buruh-buruh kontrak ladang kelapa sawit yang tidak memasuki kesatuan sekerja kerana pekerjaan jenis ini merupakan kerja sampingan bagi mereka.

Di peringkat kampung, penduduk-penduduk mempunyai sikap etik dan *esprit de corps* yang tinggi terhadap komuniti mereka. Mereka berinteraksi dan menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial yang berlangsung di kampung. Mereka berinteraksi secara mesra dan tolong-menolong antara satu sama lain. Satu contoh yang jelas adalah dalam majlis kenduri, kahwin di mana jiran-jiran dari berhampiran akan keluar beramai-ramai untuk menolong dalam penyediaan jamuan dan biasan. Ini mengujudkan satu 'network of reciprocal obligation' dan reciprocity umum. Secara tidak formal, mereka selalu duduk bersama dan membincangkan hal-hal mengenai kampung, isu-isu politik dan sebagainya. Bagi pemuda-pemuda pula, mereka melibatkan diri mereka ke dalam arena sukan. Tiap-tiap petang, mereka akan mengadakan permainan sepak takraw dan bolasepak di tempat yang berhampiran. Cara berinteraksi dengan bersukan juga dapat menjalin perhubungan dengan kampung lain semasa pertandingan dan juga menjaga kesihatan

diri sendiri. Dalam masa adanya aktiviti gotong royong, mereka juga melibatkan diri untuk kepentingan kampung. Jadi dapat melihat satu tahap 'esprit de corps' yang tinggi.

Ugama adalah juga satu 'social force' yang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan dan interaksi di kampung ini. Aktiviti-aktiviti ugama seperti pembacaan Al Quran dan Yasin pada malam Jumaat, sembahyang berjumaah dan sebagainya disertai beramai-ramai. Aktiviti-aktiviti besar-besaran ini menunjukkan satu organisasi yang teratur di peringkat kampung. Aktiviti-aktiviti lain selain dari aktiviti ugama seperti perhimpunan majlis di kampung atau perhimpunan parti UMNO cawangan kampung ini diatur dan dirancang dengan baik. Ini menunjukkan satu tahap organisasi yang tinggi. Justru itu, pendapat Lewis bahawa terdapatnya suatu organisasi yang minima selepas peringkat keluarga adalah tidak betul juga.

Penduduk-penduduk di kampung ini juga mempunyai pendapat dan persepsi yang jelas terhadap permintaan (demands) masyarakat moden. Mereka amat mengambil berat tentang hal anak-anak mereka terutama di aspek pelajaran. Dapat diperhatikan 68% dari responden-responden yang dikaji mengharap anak-anak mereka dapat mencapai tahap pelajaran hingga ke universiti. Ini adalah kerana mereka sedar untuk mengubah dan memperbaiki keadaan hidup mereka adalah melalui pencapaian akademik. Dengan adanya pencapaian akademik yang baik, peluang-peluang pekerjaan yang mempunyai gaji yang

tinggi adalah lebih senang diperolehi berbanding dengan pencapaian akademik yang rendah. Selain dari pencapaian akademik untuk mengubah taraf hidup mereka, mereka juga sedar bermiaga walaupun secara kecil-kecilan akan dapat mengubah taraf hidup mereka lambat laun. Mereka berupaya mencari modal untuk memulakan perniagaan. Dari Jadual 4.2 dapat diperhatikan bahawa 22% dari responden sangat berminat untuk bermiaga jika mereka ada wang \$20,000 ringgit. Maka mereka boleh dikatakan tidak bersikap pessimis terhadap masa depan malah sentiasa cuba mengubah nasib mereka kepada keadaan yang lebih baik.

Pengkaji mendapati saranan Oscar Lewis bahawa keadaan-keadaan 'culture of poverty' (Bab 2) ujud dalam masyarakat adalah betul kecuali keadaan dimana beliau berkata bahawa masyarakat gagal untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan organisasi politik samada secara sukarela ataupun dengan campurtangan kerajaan untuk golongan yang berpendapatan rendah. Pengkaji mendapati keadaan tersebut tidak tepat pada kampung ini kerana kemudahan-kemudahan sosial seperti air, bekalan elektrik, telefon, jalan-jalan tar serta kemudahan-kemudahan pengangkutan dibekalkan juga. Dari segi kesihatan, klinik-desa juga didirikan bagi kemudahan penduduk. Parti politik juga ditubuhkan di kampung ini bagi memperjuangkan hak penduduk serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi kampung ini.

Saranan Oscar Lewis mungkin juga ada kebenarannya

tetapi pengkaji dapat di kampung yang dikaji, saranannya tidak semuanya menepati di tempat kajian pengkaji. Malahan sekarang kerajaan sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki kehidupan mereka melalui rancangan-rancangan seperti Dasar Ekonomi Baru, Rancangan-rancangan Lima Tahun sekali dan berbagai-bagai projek yang lain.¹⁶ Jadi dengan demikian, keadaan kehidupan orang miskin akan sentiasa dipertingkatkan sehingga 'culture of poverty' tidak boleh diapplikasikan lagi ke atas konteks kampung-kampung di Malaysia.

Secara keseluruhan, teori 'culture of poverty' tidak begitu sesuai diapplikasikan dalam konteks kampung-kampung di Malaysia kerana saranan-saranan Oscar Lewis itu diperolehi semasa menjalankan kajian di negara lain di kalangan keluarga-keluarga Puerto Rico, San Juan dan lain-lain tempat di Mexico yang mempunyai keadaan-keadaan hidup, polisi kerajaan dan sikap individu yang berlainan dari Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- A. Rujukan
- Abdul Aziz, Ungku ; Recent Thoughts on Poverty dalam Malaysia Economic Convention 2nd. 1955, Kuala Lumpur.
- ; Footprints on the Sands of Time. The making of Poverty Concepts 50 years from Za'aba to Aziz and the 2nd Malaysian Five Year Plan dalam Malaysia Economic Convention, 1974. dan Malaysia 1974.
- Jomo K.S. dan Malaysia's New Economic Policies, Evaluation of the mid-Term Review of the Fourth Malaysia Plan, Malaysian Economic Association 1985.

- Jomo K.S. (ed) ; "Masalah sosial-sosio-ekonomi Malaysia": rencana pilihan daripada Nadi Insan, Institut Analisa Sosial, Petaling Jaya Selangor, 1984.
- Le Vine, R.A. ; Culture and Behaviour and Personality: An introduction to the Comparative Study of Psychological Adaption, Chicago, Aldine Publishing Company 1972. ~~University of Chicago Press~~
- Lewis, Oscar ; La Vida-Puerto Rican Family In the Culture of Poverty, San Juan and New York, 1967.
- Salih, Kamal ; "Konsep, Ciri-Ciri Definisi dan Pengukuran Kemiskinan" dalam kertas kerja dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, 1983, Alor Star.

- Syed Husin Ali ; Aspek sosiologikal dalam kemiskinan; Kertas kerja dalam Seminar Kemiskinan Luarbandar, Terengganu, 1983 Alor Star.
- Townsend, Peter (ed) ; The Concept of Poverty, London, Heimann 1971.
- Valentine C.A. ; Culture and Poverty, Critique and Counter Proposals, The University of Chicago Press, Chicago and London 1968.
- Whyte W.E. ; Street Corner Society. The Social Structure of Italian Slums, University of Chicago Press, Chicago 1955.

B. Disertasi

- Kemiskinan Melayu di bandar. Penilaian Perangkaan Melayu di Fauziah Hanim ; Kemiskinan orang Melayu di bandar. Satu kajian kes di Kawasan setinggan Kampung Sentosa, Wilayah Persekutuan dari perspektif "Culture of Poverty". Kajian ilmiah University Malaya, Kuala Lumpur 1982/83.
- Kemiskinan orang Melayu di bandar. Yusof Suratman ; Kemiskinan di kalangan orang Melayu di bandar. Disertai M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

C.

Laporan

Kerajaan Malaysia ; Jabatan Perangkaan Malaysia,
"Kajian Selepas Banci" 1970.

----- ; Laporan Ekonomi 1975-1976,
Perbendaharaan Malaysia 1976.

----- ; Rancangan Malaysia Keempat,
Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur 1981.